

**Jilid IV
Bil. 13**



**Hari Khamis
27hb Mac, 1986**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1973]

USUL:
Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 2022]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N., (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- Yang Berhormat DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

kemudahan kewangan yang mencukupi untuk pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli, terutama bagi pembinaan rumah kos rendah.

- (4) Mengkaji semula piawaian-piawaian perancangan dan juga piawaian-piawaian infrastruktur kawasan perumahan kos rendah bagi mengurangkan kos pembinaan dan menggalakkan pemaju-pemaju swasta membina rumah-rumah kos rendah; dan
- (5) Menggunakan dengan lebih berkesan bagi Jawatankuasa-jawatan kuasa di Kementerian saya seperti Jawatankuasa Penyelaras Perumahan Awam Kos Rendah, Panel Perunding dan Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan untuk mengesan dan menyelaras pelaksanaan perumahan kos rendah serta menyelaraskan masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor-sektor swasta dan awam.
- (c) Mengenai soalan Yang Berhormat berkenaan dengan sumbangan Dasar Perumahan Negara terhadap pertumbuhan ekonomi dan pengwujudan peluang pekerjaan dalam Rancangan Malaysia Kelima, inginlah saya menyatakan bahawa sekiranya program khas 800,000 unit rumah kos rendah bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 dapat berjalan dengan lancar, ini akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 2%. Mengenai

beberapa peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan, saya tidak dapat memberi angka yang tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor pembinaan pada keseluruhannya telah menyediakan kira-kira 369,000 peluang-peluang pekerjaan yang merupakan hampir 7% daripada jumlah gunatenna negara dalam tahun 1984. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima program-program yang dirancang bertujuan untuk memastikan bahawa kerja mereka ini akan terjamin, apa lagi keadaan ekonomi merusut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bertanya soalan tambahan, janganlah lebih daripada satu, dengan kerana kadang-kadang seseorang Ahli itu bertanya sampai tiga, jadi tidak patutlah; ada yang lain-lain hendak bertanya lagi. Ulu Trengganu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak bertanya satu sahaja. (Ketawa).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu sahaja.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat kelambatan yang sangat-sangat ketara mengenai pembinaan rumah-rumah murah daripada masa ia diputuskan untuk dibina sehingga ia siap. Dan terdapat pula kelambatan dalam soal menduduki rumah-rumah yang telah siap itu kadang-kadang sehingga dua atau tiga tahun kadang-kadang rumah itu sudah lapuk, sudah buruk baru boleh diduduki. Apa sebabnya kejadian ini berlaku dan apakah cara-cara pihak Kementerian akan buat untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya ada beberapa faktor. Faktornya kadangkala pemaju-pemaju sendiri dan juga ada kadangkala agensi-agensi Kerajaan, dari segi pentadbiran ada kelewatan dan sebagainya.

Tetapi dengan keseluruhannya, untuk rancangan atau program khas ini kita akan adakan 80,000 unit setahun ini. Kita telah merancang dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri masing-masing untuk mengadakan satu "one stop agency", dengan izin, supaya dari segi permulaan dan juga dari segi barangkali sampailah ke peringkat dapat duduk dalam rumah itu, akan dapat membereskan semua perkara yang telah saya sebutkan tadi. Dengan cara semacam ini kita yakin akan menjimatkan masa dan juga akan memudahkan, khususnya untuk pemaju-pemaju perumahan ini. Saya yakin dengan cara semacam ini dan juga dengan kerjasama daripada semua pihak tentulah kita akan memendekkan masa atau masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu di Dewan yang mulia ini tentang mengapa pihak Kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk menetapkan Dasar Perumahan Negara ini dan juga sama ada pihak Kerajaan mempunyai kemampuan untuk menjayakan konsep demokrasi pemilihan rumah menurut kemampuan rakyat, sepertimana yang telah disentuh dalam Rancangan Malaysia Kelima ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan satu dasar kebangsaan untuk sesuatu lapangan, khususnya ekonomi dan

sebagainya dalam sebuah negara yang membangun, tentulah ini akan mengambil masa. Ada negara-negara membangun sungguhpun tidak ada satu dasar, tetapi mereka boleh dari segi kekesanan, dari segi pelaksanaan pun ada mencapai matlamatnya. Kita di sini sungguhpun tidak ada satu Dasar Perumahan Negara setakat hari ini, cuma di peringkat perbincangan, apa yang kita telah capai melalui Rancangan-rancangan Malaysia di tiap-tiap peringkat, kita pun adalah dapat kejayaan. Di sini tentulah kalau kita melihat balik kita pun ada mengambil masa juga, seperti dengan Dasar Pertanian Negara kita pun mengambil masa lebih panjang sedikit, cuma kita dapat mengadakan satu dasar dan juga barangkali dasar-dasar nasional yang lain untuk lapangan yang lain, kita sekarang ini masih diperingkat perbincangan lagi.

Jadi, untuk perumahan pada keseluruhannya kita adalah berkehendakkan satu Dasar Perumahan Negara dan saya berharap kita dengan penuh keyakinan bahawa apa yang kita telah capai setakat hari ini dan juga dengan mengambil kira faedah atau kepentingan rakyat, khususnya dari segi golongan yang berpendapatan rendah, kita tentu akan mengambil kira atau menekankan dengan kepentingan ini untuk merangka atau menggubal satu dasar negara yang sempurna pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Bahari bin Haron.

Tuan Bahari bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit perbetulan di atas soalan ini, iaitu angka-angka yang diminta ialah bagi sepanjang tahun 1985, bukan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

BARANGAN YANG DIIMPORT JUMLAH

2. **Tuan Bahari bin Haron** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah barangan yang diimport dari negara di bawah bagi sepanjang tahun 1985:

- (a) Jepun;
- (b) Korea;
- (c) EEC; dan
- (d) Amerika Syarikat, dan

nyatakan juga jumlah eksport ke negara-negara di atas bagi tahun yang sama.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee): Tuan Yang di-Pertua, angka perdagangan bagi import dan eksport dengan negara Jepun, Korea, Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan Amerika Syarikat sepanjang tahun 1985 adalah seperti berikut:

Negara	Import (M\$ juta)	Eksport (M\$ juta)
Jepun	7,039.1	9,355.7
Korea	673.6	2,244.6
Kesatuan Eko- nomi Eropah	4,322.8	5,368.6
Amerika Syarikat	4,675.4	4,891.2

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau beliau ada angka dari negara-negara yang tersebut tadi, dari negara yang mana negara kita mengimport bahan-bahan makanan yang besar sekali?

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, saya tak ada angka tepat untuk menjawabkan soalan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dasar perlindungan negara-negara

tersebut yang menghalangkan eksport Malaysia kepadanya? Jika ada, apakah negara yang mempunyai dasar perlindungan yang lebih ketat daripada yang dikehendaki oleh negara kita?

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dasar perlindungan tiap-tiap negara yang kita eksport bahan-bahan kita. Pada masa sekarang yang bertambah ketat sangat adalah, saya ingat, Amerika Syarikat dan juga Kesatuan Ekonomi Eropah, tetapi negara Jepun sangat di pandang hadapan. Dasar perlindungan Jepun itu akan dilonggarkan sedikit.

PROGRAM MEMBIMBING BELIA

3. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah program Kerajaan khasnya Kementerian berkenaan di dalam usaha-usaha ke arah membimbing dan membangunkan kalangan belia:

- (a) belia yang berpelajaran sederhana baik; dan
- (b) belia yang berpelajaran paling rendah dan keciciran,

yang ramai terdapat di seluruh negara sekarang, agar mereka tidak menjadi kalangan yang frust dan menjadi masalah kepada masyarakat dan negara di satu masa nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, di antara program yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada belia-belia di negara ini supaya mereka dapat turut sama menikmati pembangunan negara ialah latihan vokasional bagi mendapatkan kemahiran yang diperlukan untuk mendapat pekerjaan. Di samping itu, latihan kepimpinan juga dianjurkan kepada belia-belia supaya mereka

mampu memimpin diri sendiri dan yang berbakat akan maju ke hadapan memimpin ahli-ahli kumpulannya menjadi masyarakat belia yang berguna kepada negara.

Belia berpelajaran sederhana diberi bimbingan untuk didedahkan kepada program-program Latihan Kepimpinan, Kursus Perniagaan, Lawatan Sambil Belajar di dalam dan di luar negeri, program Pengembaraan dan Bimbingan Kerjaya.

Bagi para belia yang berpelajaran paling rendah dan keciciran, mereka digalakkan mengikuti kursus-kursus kemahiran dalam bidang perniagaan, perusahaan dan pertanian di Pusat-pusat Latihan Belia.

Bagi mereka yang tidak berpeluang memasuki pusat-pusat tersebut pula, Kementerian juga melaksanakan beberapa program di peringkat Negeri dan Daerah. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Rancangan Latihan Sambil Bekerja;
- (ii) Kursus Pengurusan Peniaga Kecil;
- (iii) Kelas Latihan Kemahiran Non-formal Tempatan;
- (iv) Latihan Teknologi Desa;
- (v) Program Belia Peladang; dan
- (vi) Rancangan Belia Berniaga.

Keseluruhan program-program yang disebutkan di atas bertujuan untuk memberi dorongan dan bimbingan kepada para belia di negara ini menjadi satu generasi muda yang berguna dan sanggup berdikari serta berkeupayaan menyertai usaha pembangunan yang berlaku di sekeliling mereka.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri mengenai dengan rancangan

Jabatannya kepada belia-belia di Rancangan-rancangan FELDA, apa yang saya tahu sekarang ini sudah menjadi satu masalah. Adakah rancangan-rancangan diatur, kalau diatur, rancangan apa yang telah dijalankan oleh Jabatan ini dalam menggerakkan atau melatih belia kita di Rancangan-rancangan supaya mereka ini menjadi masyarakat yang berguna, masyarakat yang anti-dadah.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan-rancangan FELDA, ada satu unit yang dinamakan Persatuan Belia FELDA. Di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, program-program kegiatan-kegiatan yang diatitkan adalah menyeluruhi untuk kesemua belia-belia yang ada di negara ini termasuk belia-belia dari kawasan FELDA, iaitu rancangan tanah sebagaimana Yang Berhormat maksudkan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi berkenaan dengan latihan-latihan diberi kepada belia-belia. Saya tertarik hati tentang (b), belia-belia yang berpelajaran paling rendah dan keciciran ini. Walaupun Kementerian ini mengambil kursus kemahiran tetapi bilangannya terlalu kecil, seolah-olah seperti melepaskan batuk ditangga, misalnya apabila ditemuduga beratus-ratus orang dipanggil tetapi cuma dalam satu daerah satu orang, dua orang sahaja diterima. Tidakkah adanya langkah untuk mengambil sebanyak-banyaknya supaya keciciran ini dapat diatasi dan tidak ada belia-belia yang menganggur ini menjadi kecemaran di daerah masing-masing.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Namun begitu hajat hati nak peluk gunung, apakan daya tangan tak

sampai. Saya amat bersimpati dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, oleh kerana itu ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita menerima permintaan-permintaan yang berpuluh-ribu untuk belia-belie menyertai pusat-pusat latihan belia di dalam negara kita ini, tetapi tempat yang ada cuma di Dusun Tua, di Pertak dan di Kuala Trengganu sahaja. Oleh kerana itu, di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini kita akan mendirikan, insya Allah, kalau kita lulus, 7 lagi pusat latihan belia di seluruh negara kita ini bagi menampung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A.

Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi saya cuba hendak tanya oleh sebab pusat-pusat latihan belia ini sangat berkurangan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah kata 7 lagi hendak diadakan, tetapi seperti kata rakan saya dari Batang Padang, dia kata banyak yang buat pendaftaran, sedikit sahaja yang diterima oleh kerana tidak cukup tempat, kursus-kursus pun terhad. Adakah pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang mana-mana yang tidak dapat masuk ke pusat-pusat latihan di masukkan menjadi askar sukarela ataupun polis supaya tidak banyak sangat mereka ini mengganggu sebagaimana yang kita tahu sekarang.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, urusan memasukkan belia-belie ke dalam askar ini adalah urusan Kementerian yang lain dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Namun begitu, inginlah saya menyatakan bahawa walaupun kita tidak cukup tempat tetapi kursus-kursus yang serupa, on the job training dan lain-lain kita adakan sentiasa di peringkat negeri dan peringkat daerah bagi menampung kekurangan-kekurangan yang Yang Berhormat maksudkan itu.

BARANG TIRUAN DI PASARAN

4. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian sama ada terdapat barang-barang tiruan dalam pasaran. Apa jenis-jenis barangnya, dan apa tindakan mencegah dan menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang terdapat barang-barang tiruan dalam pasaran. Ini termasuk:

- (a) makanan dan ubat-ubatan seperti kicap, ubat mata, ubat sakit kepala dan sebagainya;
- (b) pakaian siap seperti baju, seluar, kasut dan sebagainya;
- (c) barang-barang kegunaan harian seperti sabun, syampu, berus gigi dan sebagainya; dan
- (d) alat ganti kenderaan seperti palam pencucuh, penapis angin, penapis minyak dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, aktiviti pembuatan dan pengedaran barang-barang tiruan ini bukanlah berleluasa. Ini disebabkan pemeriksaan dan tindakan yang sentiasa diambil oleh pegawai-pegawai Kementerian saya. Hasil daripada tindakan tegas oleh pegawai-pegawai ini, ramai para peniaga telah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972. Butir-butir berkenaan kes-kes yang telah diambil tindakan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kes	Nilai Rampasan \$
1982	114	271,715.00
1983	63	658,286.00
1984	100	174,130.00
1985	69	220,552.00
1986	26	29,185.00

(hingga Februari 1986)

Pegawai-pegawai Kementerian saya akan terus mempergiat dan mempertingkatkan pemeriksaan dan siasatan untuk membanteras amalan yang tidak sihat ini.

Tuan Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa barang-barang tiruan ini selain daripada dibuat di negeri ini juga di import dari 3 buah negeri jiran yang terdekat iaitu Taiwan, Hong Kong dan Thailand dan sama ada beliau sedar bahawa bukan sahaja barang-barang tiruan yang dibawa masuk itu merupakan barang-barang teknologi ringan seperti pakaian, pen dan sebagainya, tetapi juga barang-barang yang bersifat teknologi tinggi seperti komputer dan sebagainya. Kalau beliau sedar, adakah pihak Kastam kita mempunyai mekanisme untuk mengesan barang-barang tiruan ini bagi memastikan nama buruk sebagai tempat edaran barang tiruan itu tidak datang kepada kita.

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, pada tahap sekarang Kementerian saya tidak dapat apa-apa laporan berkenaan barang tiruan dari segi teknologi seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi oleh kerana perkara ini ada ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingat patut saya mengambil berat atas perkara ini dan Kementerian saya akan memeriksa dan mengkaji perkara ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu dia senaraikan barang-barang tiruan dan juga butir-butir dan jumlah kewangannya, adakah ini bererti bahawa penguatkuasaan di pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak memuaskan? Dan jika ya, apakah

tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian supaya mengatasi masalah ini?

Tuan Kee Yong Wee: Tuan Yang di-Pertua, dari angka-angka yang saya beri tadi itu, sudah jelas bahawa Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya ada berkesan atas tugas-tugasnya.

Sebenarnya selepas Akta Perihal Dagangan 1972 dipinda pada tahun 1982, dendanya sudah naik sampai \$5,000 hingga \$200,000 bagi individu dan \$5,000 hingga \$500,000 bagi syarikat. Oleh itu dari angka-angka yang saya sebutkan tadi boleh dikatakan aktiviti-aktiviti tiruan dalam negara sudah berturun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Quah Wee Liam.

Tuan Quah Wee Liam: saya mohon membuat pembetulan dalam soalan ini iaitu selepas "rancangan-rancangan" tambah satu perkataan "FELDA", iaitu ". . . . jalan raya-jalan raya ke rancangan-rancangan FELDA dalam tahun ini. . . ."

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Quah Wee Liam: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5.

JALAN KE RANCANGAN FELDA KAHANG, KLUANG

5. **Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan akan mentarakan jalan raya-jalan raya ke rancangan-rancangan FELDA dalam tahun ini seperti Rancangan FELDA Kahang Barat, Kluang dan FELDA Kahang Timur, Kluang telah lama ditubuhkan dan juga telah membangun.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan

Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa jalan masuk ke rancangan-rancangan FELDA adalah dibina sehingga ke taraf permukaan yang berturap, dengan izin "metal". Pelaksanaan kerja-kerja menurap ini adalah bergantung kepada peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan. Bagi rancangan-rancangan FELDA Kahang Barat dan Kahang Timur, Kluang, peruntukan kerja menurap sebanyak \$2.5 juta telah diluluskan di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara atau KEJORA. Tawaran kerja-kerja tersebut dijangka dibuat pada akhir bulan Mac, 1986 atau awal April, 1986.

Mengenai jalan-jalan perkampungan di rancangan-rancangan FELDA pula, sukalah saya menjelaskan bahawa Jemaah Menteri telah pun menetapkan dalam mesyuaratnya pada 24hb Oktober, 1984 iaitu jalan-jalan tersebut dinaikkan taraf tetapi tidak ke taraf supaya menjadi jalan tar, memadai diadakan "laterite surfacing".

Yang Berhormat tentu sedar bahawa dalam keadaan negara menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan penurunan harga barangan utama kita di pasaran antarabangsa sekarang, sudah tentu pengagihan yang saksama perlu dibuat oleh Kerajaan bagi memajukan kawasan-kawasan yang betul-betul memerlukan pembangunan terlebih dahulu. Keadaan ini sudah tentu akan berubah apabila keadaan ekonomi negara telah pulih seperti sedia kala dan Kerajaan memang sentiasa sedar akan tanggungjawabnya dalam menentukan rakyat menikmati bersama pembangunan negara.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan lebih \$2 juta untuk menurap dengan tar jalan masuk ke

dalam rancangan tanah FELDA Kahang Barat dan Kahang Timur, Kluang. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, polisi memilih pemborong untuk melaksanakan projek penurapan tar jalan masuk ke Kahang Barat dan Kahang Timur ini, adakah Kementerian akan memilih penender yang rendah ataupun penender yang memasukkan harga yang bersesuaian dengan sebutharga yang dibuat oleh FELDA? Berdasar kepada pengalaman-pengalaman lepas, banyak jalan-jalan dan juga jambatan yang dibina oleh pemborong-pemborong di dalam rancangan-rancangan tanah FELDA ini yang terbengkalai bertahun-tahun lamanya akibat daripada adanya tendency Kerajaan untuk memilih pemborong-pemborong yang meletakkan sebutharga yang terendah agar mereka dapat berjaya untuk membuat kerja-kerja tersebut.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan Lembaga Tender, Lembaga tidak pernah terikat kepada tawaran yang paling rendah tetapi selalunya kepada tawaran yang paling munasabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir)

KOMPUTER—PEMAKAIAN DALAM AGENSI KERAJAAN

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kerajaan sekarang menggunakan komputer dalam urusan pentadbirannya apakah maklum balas yang diterima oleh Kerajaan mengenai pembaharuan yang dibuat hasil daripada penggunaan komputer di

jabatan-jabatan Kerajaan dan apakah tindakan yang Kerajaan akan ambil terhadap Jabatan-jabatan Kerajaan asal yang dipinta tetapi sebaliknya menggunakannya untuk tujuan urusan yang tidak perlu mengguna komputer dan yang demikian menyalahgunakan penggunaan komputer. Adakah MAMPU membuat pemeriksaan mengejut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, pembelian dan pemakaian komputer dalam agensi-agensi Kerajaan adalah ditapis dan diawasi oleh Jawatankuasa Pemesosan Data Negara. Anggotanya terdiri dari pegawai-pegawai terkanan dan juga pakar-pakar komputer dari pihak-pihak universiti serta agensi-agensi lain yang sudah lama menggunakan komputer. Di bawah Jawatankuasa itu terdapat beberapa jawatankuasa teknikal yang meneliti segala permohonan untuk menggunakan komputer dengan teliti. Pihak MAMPU menjadi Urusetia kepada jawatankuasa yang besar tadi dan lain-lain jawatankuasa teknikal. Dengan itu pembelian, penyewaan dan penggunaan komputer di agensi-agensi Kerajaan telah sejak dahulu tertakluk kepada pengawasan yang rapi. Soal pembelian dan penggunaan komputer secara membazir tidaklah timbul. Perkara yang lebih diutamakan sekarang ialah bagaimana untuk menggunakan komputer-komputer itu secara maksima kerana ini banyak bergantung kepada kemahiran dan daya pemikiran agensi-agensi yang menggunakannya.

Dari segi penggunaan biasa iaitu untuk menjalankan kerja-kerja yang menjadi asas pembelian/penyewaan komputer-komputer itu, kedudukan sekarang sangatlah memuaskan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau

menyedari bahawa sistem komputer yang digunakan di tiap-tiap Jabatan Kerajaan tidak bersama iaitu jenis tidak sama, sistem operasi pun tidak sama. Saya ingin tanya, kalau itulah jadi satu hakikat, macam mana jabatan-jabatan yang berkenaan boleh berintegrasi kerana pada masa ini data-data dari komputer di satu jabatan tidak boleh dimasukkan ke komputer dalam jabatan yang lain. Itulah satu masalah. Kalau pihak Kerajaan menyedari itu, kenapa MAMPU tidak mewujudkan satu dasar yang seluasnya untuk menggunakan sistem atau alat komputer yang sama bagi tiap-tiap jabatan Kerajaan?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar hal itu. Ini diakibatkan oleh pembelian-pembelian dahulu. Di akhir-akhir ini semua pembelian dan sewaan termasuk juga sistemnya sudah pun diselaraskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat belum menjawab soalan penyalahgunaan komputer. Penyalahgunaan komputer ini mungkin akan berlaku di negara kita dan kalau Yang Berhormat sedar, apakah langkah yang berkesan untuk mengesan dan tindakan yang berkesan untuk mencegahnya?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Yang dimaksudkan, Tuan Yang di-Pertua, oleh Yang Berhormat dari segi penyalahgunaan tadi dari segi penggunaan, data ataupun penggunaan mesin komputer itu sendiri, saya pun kurang faham maksudnya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan data dan sebagainya, jadi terdapat banyak, pelbagai penyalahgunaan komputer yang sangat kusut sekarang ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Dalam tahun 1985, sejumlah 1,208,890 tan metrik padi telah dipasarkan dengan LPN membeli sejumlah 560,263 tan metrik dan pihak swasta membeli sejumlah 648,627 tan metrik. Jumlah yang dipasarkan ini adalah dianggarkan kira-kira 80%-85% dari pengeluaran padi negara keseluruhannya.

Jumlah importan beras dalam tahun 1985 ialah sebanyak 327,114 tan metrik terdiri dari beras putih, beras pulut, beras basmathi dan beras calrose. Dari jumlah ini importan dari negara Thailand ialah sebanyak 236,000 tan metrik dengan harga berjumlah \$126,102,500 F.O.B. Lain-lain pembekal utama beras negara ialah Burma, Pakistan dan Australia.

Walaupun ada usaha-usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran padi negara, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan beras untuk mencapai 100% keperluan negara. Dasar ini diambil berasaskan kepada beberapa sebab. Pertama, kos pengeluaran padi di Malaysia adalah lebih tinggi dari negara-negara pengeluar padi yang lain. Juga didapati minat menanam padi di kalangan pesawah-pesawah didapati sekarang ini berkurangan, kerana mereka memilih untuk menanam tanaman-tanaman lain yang lebih berpotensi. Maka penanaman padi akan tertumpu sebahagian besarnya di kawasan-kawasan jalapang padi sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan kenyataan daripada pihak Kerajaan ada mengatakan untuk menumpukan perhatian kepada kawasan-kawasan jalapang padi sahaja yang tertentu, dengan demikian kebanyakan kawasan padi itu ditukar kepada tanaman yang lain. Kalau begitu, adakah besar kemungkinan pengeluaran beras akan dikurangkan ataupun akan ditambahkan dan

dengan adanya usaha untuk menumpukan perhatian kepada kawasan-kawasan tertentu ini kos pengeluaran akan diturunkan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan untuk menumpukan tanaman-tanaman padi ke kawasan-kawasan jalapang padi dan juga kawasan-kawasan mini estet ialah bertujuan supaya dapat economy of scale, dan juga untuk mengeluarkan padi dengan secara lebih ekonomik dan dengan secara yang lebih bersistematik, dengan sebab itu maka kita boleh mendapatkan hasil yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Tan Kok Hooi tidak hadir).

TELEFON ATUR— KADAR BAYARAN

12. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah Kementerian bercadang mengkaji semula tarif bayaran telefon luar bandar yang ada sekarang. Adakah juga cadangan untuk mengkaji semula kadar bayaran telefon ATUR memandangkan kadar bayaran yang ada sekarang dirasakan tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, memahami soalan Ahli Yang Berhormat seolah-olah adanya perbezaan antara tarif bayaran telefon kawasan luar bandar dan kawasan bandar.

Suka saya menyatakan di sini bahawa sebenarnya tidak ada perbezaan. Kadar bayaran panggilan telefon dalam negeri bagi seluruh negara adalah sama.

Kementerian saya tidak bercadang untuk mengkaji semula tarif bayaran panggilan telefon dalam negeri dan juga antarabangsa kerana ianya baru diadakan dan dilaksanakan pada 16hb Januari tahun yang lalu. Begitu juga dengan telefon ATUR yang perkhidmatan serta kadar yang baru dilaksanakan pada 15hb Januari, 1985.

Kadar bayaran sewa telefon pula telah dikaji semula dan dilaksanakan pada 1-12-1983.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa panggilan tempatan ATUR di negeri Kedah satu panggilan pada 3 minit pertama ialah \$1.50. Apakah sebab-sebab tingginya caj ini?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, kadar bayaran bagi sistem ATUR ini adalah berbeza dengan panggilan yang dibuat melalui rangkaian biasa. Sekiranya saya diberi sedikit masa untuk mencari. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit boleh.

Tuan Au How Cheong: Kadarnya adalah berlainan sedikit oleh kerana ini harus dipanggil melalui rangkaian yang berasingan, yang khusus.

Saya tidak dapat mencari sekarang ini (*Ketawa*), memang ini terkandung dalam Buku Panduan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wan Ibrahim bin Wan Abdullah.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan sedikit barangkali tersalah taip "jalan kereta maut" di situ maksud saya "jalan keretapi maut".

Tuan Yang di-Pertua: Line berapa?

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Yang ketiga daripada bawah, yang keempat daripada atas.

Tuan Yang di-Pertua: "Jalan keretapi maut" bubuh "api" sahaja.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Ya.

BURUH PAKSA KERETAPI MAUT

13. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjalankan satu banciaan tentang jumlah rakyat Malaysia yang masih hidup yang menjadi mangsa kerahan tenaga bagi membina jalan keretapi maut di Burma dan Thailand yang pada masa ini tinggal di Burma dan pemberian muhibbah daripada Kerajaan Jepun.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kerajaan telah pun mengarahkan perwakilan-perwakilan kita yang berkenaan supaya sentiasa memerhati kemungkinan rakyat Malaysia yang telah menjadi buruh paksa jalan keretapi maut di zaman Jepun masih berada di negara-negara tersebut. Walau bagaimanapun setakat ini usaha-usaha tersebut masih belum berhasil dan Kementerian ini tidak ada menerima maklumat-maklumat pasti mengenai perkara ini. Sekiranya saki-baki rakyat Malaysia yang terlibat dengan buruh paksa jalan keretapi maut zaman Jepun ini benar-benar masih wujud di negara tersebut, Kementerian Luar Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan di dalam usaha membawa mereka balik ke Malaysia.

Untuk makluman juga, soal pembayaran pampasan telah pun dibangkitkan beberapa kali dahulu di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa isu pembayaran pampasan telah pun diselesaikan dengan memuaskan.

Kerajaan Jepun telah pun memberi sebanyak M\$25 juta sebagai "pembayaran muhibbah". Pembayaran ini dibuat setelah dipersetujui melalui satu perjanjian yang ditandatangani di antara Malaysia dengan Jepun pada 27hb September, 1967 dan dengan itu Kerajaan kita tidak berhasrat untuk membangkitkan soal pembayaran pampasan itu lagi.

ALAT AMARAN HAD LAJU

14. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan alat amaran kelajuan (speed warning device) yang telah dipasangkan. Setakat ini apakah peratusan keberkesannya dalam pengawal kecenderungan pemandu-pemandu kenderaan berat memandu terlalu laju.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini sebanyak 56,000 buah kenderaan berat yang berat dengan muatan 4,500 kg. dan ke atas telah memasang alat amaran had laju di seluruh Semenanjung Malaysia.

Berhubung dengan keberkesannya penggunaan alat ini untuk mengawal pemandu-pemandu kenderaan berat memandu laju, perkara ini masih terlalu awal untuk dinilai, kerana penguatkuasaan pemasangan Alat Amaran Had Laju baru sahaja bermula pada 1 Januari 1986.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa nampaknya pemasangan Alat Amaran Had Laju ini merupakan satu permainan di mana kita melihat lori-lori berjalan di atas jalan raya, highway dan sebagainya dengan lampu kuning di hadapan atas itu terpasang dan berpusing dan tidak ada siapa

mengambil tindakan terhadap mereka. Dan kalau beliau sedar adanya hal ini, apakah langkah pengawasan atau pengawalan yang berkesan, yang boleh difikirkan oleh pihak Kementerian.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak diibaratkan ini permainan oleh Yang Berhormat itu ada pendapat Yang Berhormat tetapi ini sudah dijadikan satu undang-undang supaya semua kenderaan berat yang beratnya 4,500 kg ke atas dikehendaki memasang alat ini. Soalnya apakah tindakan yang berikut akan kita ambil.

Peringkat pertama ini ialah peringkat pemasangan dan kita ingin memastikan semua kenderaan berat yang saya sebutkan itu memasang alat-alat tersebut.

Peringkat yang kedua, ialah soal penguatkuasaan. Buat masa ini kita masih di peringkat pengkajian alat-alat tersebut sehinggalah diakhir akhir bulan April ini baru kita dapat mengambil tindakan peringkat kedua iaitu penguatkuasaan.

PENGGANAS KOMUNIS DI SARAWAK

15. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan beberapa orang pengganas (CT) telah pun dijumpai di Ulu Bahagian Keempat Sarawak baru-baru ini apabila mereka lari dari Bahagian RASCOM, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian beliau supaya orang pengganas tersebut tidak diberi peluang masuk Bahagian Kelima, Sarawak dan seterusnya ke negeri Sabah. Adakah Kerajaan bercadang supaya pengganas ini dikejar kembali ke kawasan RASCOM supaya kawalan ketat dapat diadakan. Jika tidak, mengapa.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk menjaga keselamatan negara dari sebarang ancaman sama ada dalam mahupun luar negeri. Berhubung dengan masalah keselamatan di Sarawak, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Pasukan Keselamatan kita telah pun melancarkan satu operasi untuk mengesan dan menghapus penganas komunis yang bergerak di Bahagian Keempat Sarawak. Di samping itu Pasukan Keselamatan juga sedang merancang untuk melancarkan satu lagi operasi bagi menyekat penganas ini dari lari semula ke kawasan operasi mereka yang lalu.

PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA/ JAMBATAN DI SABAH

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada tawaran telah dipelawa untuk membina (i) Lebuhraya Telupid/Sandakan (2) Lebuhraya Sandakan/Lahad Datu, (3) Jambatan Kinabatangan (4) Jambatan Segama; sila nyatakan nama penender-penender yang berjaya dan kos setiap projek tersebut, bilakah projek-projek tersebut akan mula dibina dan tarikh ia dijangka siap.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa tawaran untuk pembinaan jalan Telupid/Sandakan dan lebuhraya Sandakan/Lahad Datu telah pun ditutup pada bulan Oktober, 1985 dan dijangka akan diserahkan kepada kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja dalam bulan Mei, 1986; dan masa pembinaannya adalah tiga tahun. Tawaran bagi pembinaan Jambatan Kinabatangan dan Segama akan ditutup pada 22hb April, 1986.

Kerja itu dijadualkan bermula pada bulan Julai 1986 dan masing-masing akan mengambil masa 3 tahun dan 2 tahun untuk membinanya. Oleh itu, saya tidaklah dapat menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat nama-nama penender-penender yang akan menjalankan keempat-empat kerja itu kerana keputusan mengenainya belum lagi dibuat.

Mengenai kos pembinaan projek tersebut ianya juga akan hanya diketahui apabila Lembaga Tawaran telah menentukan penender-penender yang berjaya.

KAWASAN TANAH YANG AKAN DIMAJUKAN

17. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar atau tidak Kerajaan telah mengecamkan 40,000 hektar tanah yang akan diperuntukkan untuk pembangunan oleh sektor swasta sebagai langkah untuk menghadapi kemelesetan. Di negeri-negeri manakah terdapat tanah-tanah dan berapa hektar bagi tiap-tiap negeri. Apakah jenis pembangunan sedang dirancang. Apakah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membuat keputusan. Adakah orang yang miskin, yang tidak mempunyai tanah dan kerja akan diberi keutamaan dalam peruntukan tanah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang masih belum dimajukan di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah iaitu dianggarkan seluas 108,538 hektar.

Kedudukan keluasan mengikut kawasan adalah seperti berikut:

(i) Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)	26,700 hektar
(ii) Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	15,367 hektar
(iii) Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	27,794 hektar
(iv) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	38,677 hektar
JUMLAH: ..	<u>108,538 hektar</u>

Mengenai rancangan pembangunan yang telah dirangka untuk membangunkan kawasan tersebut, memanglah benar bahawa Kerajaan berhasrat untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta bagi membangunkan kawasan-kawasan tanah yang baru yang telah dikenal pasti khususnya kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan secara komersial. Bagaimanapun keluasannya tidaklah ditentukan secara khusus. Galakan ini adalah bertujuan untuk mendorong sektor swasta yang berkemampuan untuk melabur semula keuntungan mereka dalam negara dan ini akan mengelakkan syarikat-syarikat tersebut mengalih pelaburan mereka keluar negeri.

Namun demikian, Kerajaan tidak dapat memberikan tanggungjawab ini sepenuhnya kepada sektor swasta kerana tanggungjawab Kerajaan terhadap pembangunan sosial rakyat terpaksa juga dipertimbangkan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan terpaksa juga membangunkan kawasan-kawasan tersebut bagi penempatan peneroka-peneroka khususnya golongan miskin yang tidak bertanah untuk menyertai rancangan pembangunan tanah.

Penyertaan pihak swasta pula khususnya bagi syarikat-syarikat yang sudah terbukti kemampuan mereka adalah bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, membantu meningkatkan pengeluaran dan pendapatan negara seluruhnya. Penyertaan pihak swasta juga dapat meningkatkan lagi kecekapan dalam penggunaan tanah melalui sistem penjagaan ladang yang lebih berkesan dan pengurusan ladang secara komersial.

Walau bagaimanapun, dalam pembangunan kawasan-kawasan tersebut suka saya menjelaskan bahawa tanah adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu, segala perancangan yang telah dibuat dan dikenal pasti serta syarat bagi kelulusan permohonan tanah untuk dilaksanakan perlu dirundingkan dengan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Oleh itu, keputusan muktamad mengenai pelaksanaan sesuatu projek pembangunan yang melibatkan tanah adalah terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Memandangkan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk dimajukan adalah terletak di kawasan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah maka tanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan melaksanakannya adalah terletak kepada Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah melalui perundingan dengan Pihak Berkuasa Negeri sama ada akan diserahkan kepada agensi awam ataupun sektor swasta.

Berhubung dengan penempatan peneroka di rancangan-rancangan pembangunan tanah, memanglah menjadi dasar Kerajaan memberi keutamaan kepada golongan miskin yang tidak bertanah menyertai rancangan-rancangan tanah yang telah dan akan dimajukan oleh agensi awam seperti FELDA. Bagi rancangan pembangunan tanah yang dimajukan oleh pihak swasta, Kerajaan akan

memberi galakan kepada syarikat-syarikat yang dapat membantu dan memberi keutamaan kepada golongan miskin seperti melalui penyediaan peluang-peluang pekerjaan bagi mereka yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 11, 18 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

KONTRAKTOR JEPUN/KOREA— KONTRAK BINAAN

6. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar dengan kemasukan kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea serta kontraktor-kontraktor asing, mengakibatkan banyak kontraktor Bumiputera terpaksa gulung tikar. Jika benar, berapa banyakkah kontraktor Bumiputera yang terpaksa gulung tikar (bankruptcy), sepanjang tahun 1984 dan 1985.

Dato' S. Samy Vellu: Sepanjang pengetahuan saya, adalah tidak benar dengan kenyataan bahawa dengan kemasukan kontraktor-kontraktor Jepun, Korea serta kontraktor-kontraktor asing telah mengakibatkan ramai kontraktor dalam negeri. Terutamanya kontraktor Bumiputera terpaksa gulung tikar.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang sedang melanda seluruh dunia, termasuklah negara ini, memang ada peniaga-peniaga yang mengalami kesusahan dan kesukaran untuk meneruskan perniagaan mereka dan terpaksa gulung tikar atau "Bankruptcy". Pemberhentian urusan ini bukanlah merupakan satu finomina yang khusus kepada

bidang kontrak binaan sahaja, malahan telah menjejaskan bidang-bidang lain seperti bidang perkilangan, industri pembuatan, perkhidmatan dan lain-lain lagi. Keadaan ini juga bukan sahaja dihadapi oleh negara kita, tetapi juga oleh negara-negara jiran dan negara-negara lain di seluruh dunia.

Sungguhpun demikian, dalam keadaan seperti ini, syarikat-syarikat yang mempunyai sistem pengurusan dan kedudukan kewangan yang baik dan cekap akan terus dapat menjalankan urusanniaga mereka. Manakala syarikat-syarikat lain yang tidak dapat berbuat demikian mungkin akan memberhentikan perniagaan mereka.

JALAN TIMUR-BARAT— KEROSAKAN/PERBELANJAAN

11. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Kerjaraya menyatakan apa sebab Jalan Timur-Barat selalu rosak. Dan setiap tahun berapa pula perbelanjaan untuk membaikinya.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada tiga sebab utama mengapa lebuh raya Timur-Barat mengalami kerosakan. Satu di antara sebabnya ialah mengenai jajaran Lebuh raya itu, yang mana melalui kawasan berbukit bukau, dan terdapat jurang-jurang yang dalam yang memerlukan pembinaan jambatan-jambatan, jejambat-jejambat (viaducts) atau terowong-terowong. Sebab yang kedua ialah kawasan yang dilalui oleh Lebuh raya Timur-Barat ini ialah terletak di kawasan keselamatan berdekatan dengan sempadan Malaysia-Thailand, yang mana masih terdapat aktiviti-aktiviti gerakan penganas komunis. Sebab yang ketiga ialah terdapat hujan lebat di

musim tengkujuh yang telah mengakibatkan kerosakan Lebuhraya tersebut.

Di dalam melaksanakan Lebuhraya Timur-Barat ini, bilangan pembinaan struktur seperti jambatan, jejambat (viaduct) dan terowong perlulah seboleh-bolehnya dielakkan atau dikurangkan, untuk tujuan menghindar dari sabotaj anasir-anasir penganas komunis. Oleh kerana keadaan sedemikian, pembinaan Lebuhraya ini melibatkan banyak kerja-kerja memotong bukit-bukit dan juga kerja-kerja "embankment" telah dilakukan. Pembinaan jambatan dan jejambat (viaduct) yang terdapat di sepanjang Lebuhraya itu adalah jumlah yang minima perlu dibina, dan pembinaan terowong telah tidak dibina langsung. Keadaan musim tengkujuh dan hujan lebat yang turun juga telah mengakibatkan tepi-tepi bukit yang dipotong dan kawasan-kawasan yang ditambak itu runtuh, dan oleh itu telah mengakibatkan kerosakan Lebuhraya itu.

Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerja-kerja "slop protection" dan "strengthening works" sedang dijalankan, dan saya yakin apabila siap keadaan Lebuhraya Timur-Barat ini akan bertambah baik. Kerja-kerja membaiki itu telah bermula pada tahun 1983 dan dijangka siap pada bulan Disember 1986 ini. Perbelanjaan hingga tahun 1985 adalah berjumlah lebih kurang \$120 juta, yang mana perbelanjaan tahunan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1983	\$ 20.0 juta
1984	\$ 44.6 juta
1985	\$ 55.4 juta
Jumlah:	<u>\$120.0 juta</u>

PERUNTUKAN TANAH KEPADA BUKAN BUMIPUTERA

18. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh Majlis Tanah Negara (National Land Council) untuk menasihatkan dan mendorong Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan orang bukan Bumiputera bagi tanah untuk menanam sayur-sayuran dan penternakan, memandangkan kenyataan bahawa pengangguran di antara penduduk-penduduk di bandar dan kampung baru telah menjadi suatu krisis yang merumitkan dan suatu masalah mendesak yang boleh mengakibatkan ketidakstabilan politik; dan
- (b) sama ada Majlis Tanah Negara (National Land Council) telah mengkaji strategi pembangunan secara ringkas dan mendalam berkenaan dengan masalah-masalah yang timbul daripada peruntukan dan kegunaan tanah, khasnya kenyataan bahawa orang-orang bukan Bumiputera mendapatinya lebih sukar untuk mendapatkan tanah atau berbagai alasan yang tidak kena mengenai dengan undang-undang tanah yang ada.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:

- (a) Perkara tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri menurut Jadual Ke 9, Perlembagaan Persekutuan. Pelupusan tanah dilaksanakan oleh Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah

Negara dan kaedah-kaedah Tanah Negeri. Seksyen 43 Kanun Tanah Negara dan Kaedah-kaedah Tanah Negeri memberi hak yang sama kepada semua warganegara Malaysia untuk memohon dan memiliki tanah. Tanah diberimilik oleh Kerajaan Negeri kepada semua warganegara yang berkelayakan tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian, Kementerian saya berpendapat buat masa ini keadaan tidak memerlukan Majlis Tanah Negara menasihatkan serta mendorong Kerajaan-Kerajaan Negeri mengubah dasar pelupusan tanah yang diamalkan.

- (b) Setakat ini Majlis Tanah Negara tidak membuat apa-apa kajian khas mengenai anggapan Yang Berhormat orang-orang bukan Bumiputera sukar mendapat tanah oleh kerana pengurniaan tanah adalah dilakukan secara saksama tidak mengira kaum.

TAMAN BIMBINGAN

19. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian sedar kegiatan setengah-setengah Taman Bimbingan Kanak-kanak adalah tidak sihat dan merbahaya kerana tidak mempunyai sukatan pelajaran dan kawalan yang tertentu seperti TASKA, TASKI dan TADIKA.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kerajaan memang sedar adanya sebilangan kecil institusi-institusi pendidikan pra-sekolah atau tadika yang menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan yang kurang memuaskan. Kerajaan sedang mengambil perhatian untuk mengatasi perkara ini.

DOKTOR-DOKTOR DI SABAH MELETAKKAN JAWATAN

20. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak doktor-doktor di Sabah yang berkhidmat dengan Kerajaan telah meletakkan jawatan untuk membuka klinik perubatan sendiri dan ini merupakan satu sebab kekurangannya doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan di Sabah. Kalau sedar apakah tindakan Menteri berkenaan untuk mengatasi kekurangan doktor ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa beberapa doktor-doktor dari Sabah yang berkhidmat dengan Kerajaan telah meletakkan jawatan tetapi keadaan serupa ini bukan sahaja berlaku di negeri Sabah malah di seluruh negara amnya.

Pada tahun 1985, terdapat seramai 20 orang pakar dan 101 orang pegawai perubatan di Sabah. Daripada jumlah ini 4 orang pakar dan 9 orang pegawai perubatan telah meletakkan jawatan.

Selain daripada rancangan-rancangan am untuk menambah lagi bekalan doktor yang terdapat, Kementerian sedang mengambil tindakan untuk menghantarkan lebih ramai doktor-doktor pakar dan biasa ke Sabah, seperti juga ke negeri-negeri yang kekurangan doktor-doktor.

KILANG LUAR/ DALAM NEGERI DITUTUP

21. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini berapakah jumlah kilang-kilang luar dan dalam negeri yang telah ditutup dan apakah sebab-sebabnya.

Tuan Kee Yong Wee: Mengikut maklumat semasa yang ada di Kementerian ini, terdapat 52 buah syarikat yang telah pun menutup operasi pengilangannya, di mana 13 buah syarikat adalah merupakan syarikat asing, 31 buah syarikat tempatan, sementara 8 buah adalah syarikat usahasama asing dan tempatan.

Mengikut kumpulan industri, 37 buah daripada syarikat-syarikat tersebut adalah di bawah kumpulan industri getah, 4 buah di bawah industri elektronik, 8 buah di bawah industri tekstil dan 3 buah lagi di bawah industri makanan. Angka-angka yang saya sebutkan ini adalah untuk syarikat-syarikat yang dlesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian sahaja.

Sebab-sebab utama syarikat-syarikat ini ditutup ialah:

- (i) kurangnya permintaan;
- (ii) kos pengeluaran yang tinggi;
- (iii) persaingan hebat di pasaran antarabangsa;
- (iv) pasaran tempatan yang terhad.

MAHKAMAH PERUSAHAAN

22. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) apakah peranan Mahkamah Perusahaan dalam menyelesaikan pertikaian perusahaan yang sering berlaku antara pekerja-pekerja dengan majikannya;
- (b) apakah pertalian perjanjian yang telah dibuat antara satu-satu majikan dengan Kementerian ini tentang syarat-syarat yang membolehkan satu-satu majikan itu membuang atau memberhentikan seseorang pekerja apabila

majikannya tidak berhajat lagi kepada seorang pekerjanya adakah boleh majikan membuang pekerja-pekerjanya dengan sesuka hati tanpa memberitahu Kementerian ini, dan apakah suatu peraturan yang telah dibuat dalam perkara-perkara yang seumpama ini.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, peranan utama Mahkamah Perusahaan ialah untuk menimbang-tara dengan cepat, adil dan saksama sebarang pertikaian perusahaan yang dirujukkan kepadanya oleh Yang Berhormat Menteri Buruh setelah beliau berpuashati sesuatu pertikaian itu tidak mungkin dapat diselesaikan melalui rundingan damai, baik di antara kedua-dua pihak mahupun di bawah kelolaan Jabatan Perhubungan Perusahaan. Dalam ertikata lain, Mahkamah Perusahaan merupakan kemuncak dalam proses penyelesaian pertikaian perusahaan. Segala keputusan Mahkamah adalah muktamad dan perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak kesatuan sekerja dan pihak majikan dan ia tidak boleh dicabar, dikaji semula, dibatalkan ataupun disoal oleh mana-mana Mahkamah di Malaysia.
- (b) Untuk makluman Dewan yang mulia ini ingin saya menegaskan bahawa tidak ada sebarang perjanjian di antara mana-mana majikan dengan Kementerian seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Memang benar majikan mempunyai kuasa untuk membuang atau mengenyepikan pekerja-pekerja, akan tetapi tindakan majikan ini hendaklah

selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Kerja 1955. Di mana wujudnya kesatuan sekerja di tempat kerja, pihak kesatuan boleh merunding perkara itu dengan pihak majikan.

Tatacara Keharmonian Industri yang telah dipersetujui oleh kesatuan-kesatuan, majikan dan Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat dan cara bagaimana pengenehan pekerja-pekerja harus dilaksanakan. Bagi pekerja-pekerja yang tidak berkesatuan pula, mereka mempunyai hak untuk melaporkan sesuatu pembuangan kerja kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian saya untuk tindakan dengan tujuan mendapatkan semula pekerjaan asal.

Tidak ada apa-apa peruntukan dalam undang-undang Buruh yang mewajibkan pihak majikan supaya melaporkan terlebih dahulu kepada Kementerian saya sebelum sesuatu pembuangan ataupun pengenehan pekerja-pekerja dilakukan. Peraturan-peraturan yang sedia ada adalah memadai dan buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang lebih ketat.

SIMPANAN MINYAK NEGARA

23. Dato Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa simpanan minyak akan hanya tahan sebanyak 20-25 tahun seperti yang diagakkan dan jika ya, apakah cara lain Kerajaan akan ambil supaya pembangunan ekonomi kita dapat dipertahankan selepas penggalian minyak.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jika tidak ada penemuan telaga minyak yang baru dan berdasarkan tahap pengeluaran pada masa ini, simpanan minyak negara akan habis lebih awal daripada tempoh 20-25 tahun.

Kerajaan memang menyedari bahawa pada hakikatnya pembangunan ekonomi pada masa-masa hadapan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada keluaran barangan tertentu sahaja, khususnya minyak. Ini adalah disebabkan oleh simpanan yang semakin berkurangan dan harga di pasaran yang tidak tetap, malah makin menurun selama setahun yang lalu.

Walaupun sektor petroleum masih memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara, Kerajaan telah melaksanakan berbagai strategi untuk mengurangkan pergantungan ekonomi negara terhadap minyak. Di antaranya ialah:

(i) memperkukuhkan sektor pertanian melalui peningkatan daya pengeluaran di bidang tanaman tradisional seperti getah, kelapa sawit dan pembangunan tanaman baru yang berpotensi untuk eksport seperti koko. Pertanian secara komersial akan digalakkan. Langkah-langkah ini telah pun digariskan dalam Dasar Pertanian Negara.

(ii) Memperluas dan meningkatkan sektor pembuatan terutamanya industri-industri berasaskan sumber tempatan dan industri-industri lain yang negara ini mempunyai faedah berbanding (comparative advantage) dan berorientasikan eksport memandangkan pasaran tempatan adalah kecil, serta industri-industri berat secara terpilih. Strategi-strategi bagi mencapai tujuan ini telah pun digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian.

- (iii) Menggalakkan industri pelancongan memandangkan Malaysia mempunyai potensi dalam sektor ini.
- (iv) Mempelbagaikan sumber-sumber galian menerusi aktiviti-aktiviti penyiasatan; dan
- (v) Meluas, memoden dan mempercepatkan perkhidmatan-perkhidmatan dan galakan-galakan yang menyokong pembangunan sektor-sektor tersebut di atas termasuk perkhidmatan bank, insurans, pengangkutan, perhubungan dan lain-lain.

PEKERJA KILANG YANG DIBERHENTIKAN

24. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja-pekerja kilang swasta terutamanya kilang-kilang yang mendapat taraf perintis yang telah diberhentikan kerja dalam tahun 1985 dan 1986 hingga sekarang;
- (b) apakah sebab-sebab utama pemberhentian mereka;
- (c) adakah benar terdapat kilang-kilang memberhentikan pekerja-pekerja mereka semata-mata untuk mengekalkan keuntungan yang tinggi dalam suasana kemelesetan ekonomi; dan
- (d) apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan tindakan seperti ini.

Dato' Lee Kim Sai:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya memberitahu bahawa jumlah

pekerja-pekerja dalam sektor perkilangan yang telah diberhentikan kerja dalam tahun 1985 adalah seramai 27,598 orang. Sehingga bulan Februari pula, seramai 920 orang lagi telah diberhentikan. Bilangan pekerja-pekerja kilang yang diberhentikan oleh syarikat-syarikat yang sedang menikmati kemudahan taraf perintis sepanjang tahun 1985 dan awal tahun 1986 hingga sekarang ialah 4,437 orang.

- (b) Sebab-sebab utama pemberhentian pekerja dilakukan oleh para majikan ialah untuk mengurangkan kos pengeluaran bagi mengelakkan kerugian yang lebih teruk kerana keadaan kemelesetan ekonomi yang berterusan ini. Ia juga dilakukan kerana perubahan teknologi yang mungkin tidak perlu tenaga kerja yang begitu ramai.
- (c) Buat masa ini, Kementerian saya belum menerima apa-apa laporan mengenai majikan-majikan yang mengambil kesempatan memberhentikan pekerja untuk mengekalkan keuntungan yang tinggi. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan sentiasa mengawasi keadaan pemberhentian pekerja supaya majikan-majikan tidak akan memberhentikan pekerja dengan sewenang-wenangnya tanpa apa-apa asas yang munasabah.
- (d) Berhubung dengan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan masalah ini pula, sukalah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada huraian yang telah diberikan dengan panjang lebar di dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Buruh ketika menjawab soalan

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar pada 11hb Mac, 1986. Buat masa ini, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

PETRONAS—STESEN MINYAK

25. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah stesen minyak PETRONAS telah didirikan hingga kini dan sambutan daripada orang ramai mengenai khidmat dan layanan yang diberikan oleh stesen-stesen minyak ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Sehingga 1 Mac 1986, PETRONAS mempunyai sebanyak 141 buah stesen servis yang beroperasi PETRONAS juga mempunyai 11 buah stesen tangki skid yang membekalkan minyak diesel dan minyak tanah. Setakat ini, sambutan dari orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh stesen-stesen PETRONAS adalah menggalakkan.

PETRONAS—JUMLAH WANG SIMPANAN

26. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang PETRONAS yang disimpan sebagai simpanan dalam (i) bank-bank tempatan dan (ii) bank-bank di seberang laut untuk setiap tahun sejak 1980 dan nyatakan bilangan bank-bank tempatan di mana PETRONAS menyimpan wangnya sebagai simpanan dengan memberikan angka-angka untuk Bank Bumiputra Malaysia Bhd., Malayan Banking Berhad dan UMBC.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jumlah wang PETRONAS yang disimpan sebagai simpanan di dalam

bank tempatan sejak tahun 1980 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1980	\$ 2,615 juta
1981	\$ 3,445 juta
1982	\$ 3,245 juta
1983	\$ 3,466 juta
1984	\$ 5,958 juta
1985	\$ 7,663 juta
1986	\$ 8,259 juta

(sehingga bulan Februari)

Manakala simpanan di dalam bank-bank luar negeri dalam tempoh yang sama adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1980	\$ 2,192 juta
1981	\$ 2,168 juta
1982	\$ 1,917 juta
1983	\$ 2,074 juta
1984	\$ 2,335 juta
1985	\$ 1,814 juta
1986	\$ 648 juta

(sehingga bulan Februari)

sehingga 28 Februari 1986 PETRONAS telah menyimpan wang di 13 buah bank tempatan. Jumlah simpanan di sesebuah bank itu adalah bergantung kepada pertimbangan-pertimbangan perdagangan, iaitu seperti saiz bank, kadar faedah yang dibayar dan lain-lain. Adalah tidak wajar mengikut amalan perdagangan sekiranya PETRONAS mengumumkan butir-butir simpanannya di sesebuah bank.

JUALAN MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH

27. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) sehingga kini sejauh manakah berkesannya arahan-arahan

yang telah dibuat kepada sekolah-sekolah bagi memastikan tidak terdapatnya makanan ringan yang tak berkhasiat dijual di kantin-kantin sekolah khususnya di sekolah-sekolah kebangsaan: dan

- (b) apakah bentuk arahan atau penguatkuasaan yang telah dikeluarkan itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Kementerian Pelajaran belum dapat menentukan keberkesanan arahan-arahan atau usaha-usaha lain berkaitan dengan penjualan makanan-makanan yang kurang berkhasiat di kantin-kantin sekolah. Kementerian memang memahami bahawa makanan yang disediakan atau dijual di sekolah-sekolah mestilah baik untuk pelajar-pelajar kita bagi menjamin kesihatan mereka. Oleh itu Kementerian telah melancarkan satu kajian mengenai perkara itu. Hasil kajian ini nanti diharapkan dapat memberi gambaran tentang kedudukan perkara tersebut.

- (b) Arahan atau penguatkuasaan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran bagi memastikan makanan yang kurang berkhasiat tidak dijual di sekolah-sekolah termasuklah yang berikut:

- (i) Mengeluarkan Buku Panduan Kantin Sekolah dan Surat-surat Pekeliling;
- (ii) Mengadakan Kursus bagi Pengusaha-pengusaha Kantin;
- (iii) Membentuk Jawatankuasa Kantin Sekolah;

- (iv) Menjalankan pemeriksaan mengejut oleh Inspektor Kesihatan ke kantin-kantin sekolah.

- (c) Meminta kerjasama ibubapa supaya turut mengawal dan menasihati anak mereka supaya menjauhi dari makanan yang kurang baik untuk mereka.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15 Tahun 1986. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat

Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (26hb Mac, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sibü, sila teruskan.

3.36 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibü): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya semalam. Mengenai bekalan air menurut angka-angka 1985 hanya 13.3% daripada jumlah penduduk-penduduk di luar bandar di negeri Sarawak menikmati kemudahan asas ini. Bagaimanakah akan kita capai matlamat Rancangan Malaysia Kelima ini iaitu bagi memastikan bahawa 72.8% daripada semua penduduk-penduduk di luar bandar dapat menikmati bekalan air.

Mengenai pelajaran dan latihan pula, Sarawak diberi peruntukan \$290 juta berbanding dengan peruntukan sebanyak \$418 juta diperolehi oleh sebuah negeri yang amat kecil iaitu Kedah dan ini adalah kurang sebanyak \$128 juta.

Bagi anak Sarawak sekarang sedar pada tahun hadapan harapan kita untuk memperolehi peluang pelajaran di Sarawak tidak akan dapat dipenuhi. Sekolah-sekolah di luar bandar khususnya Sekolah-sekolah Rendah Tionghua akan terus mengalami kesan-kesan buruk oleh kerana kekurangan perbelanjaan. Angka-angka yang saya analisis di atas menunjukkan bahawa Sarawak tidak akan diberi bantuan yang adil untuk memusnahkan ketidakseimbangan yang kami anak Sarawak sedang alami.

Rakyat Sarawak tidak puas hati dengan kekurangan kemudahan perubatan dan kemudahan penerbangan. Jaminan untuk membina sebuah hospital di Bandar Sibü untuk memenuhi kehendak-kehendak yang mendesak telah diberi

oleh beberapa Menteri tahun demi tahun tetapi pelaksanaan projek ini masih terus menjadi mimpi sahaja. Rakyat Sarawak tidak faham jikalau pihak Kerajaan mampu memperuntukkan \$37 juta semata-mata untuk menjalankan kajian penyesuaian Projek Haidro Elektrik Bakun kenapa pihak Kerajaan tidak mampu membina sebuah hospital dan lapangan terbang baru yang memerlukan \$200 juta atau \$300 juta sahaja.

Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan di Dewan yang mulia ini, beliau memberi jawapan dengan bertulis bahawa peruntukan sejumlah \$67 juta akan diberi untuk matlamat membina hospital-hospital baru di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Soalan saya ialah berapa buatkan hospital-hospital baru boleh dibina dengan peruntukan sekecil ini? Saya ingin mengingatkan pihak Kerajaan Persekutuan bahawa negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dari segi punca-punca utama.

Sarawak mengeluarkan 30% daripada jumlah minyak mentah yang dikeluarkan di seluruh negara kita. Menurut statistik tahun 1985, pendapatan dari cukai eksport minyak merupakan 29.3% dari semua pendapatan cukai di Malaysia. Kadar pertumbuhan pendapatan cukai dari eksport minyak ialah 18% setahun. Saya ingin mengingatkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan, jika kita mahu mendapatkan susu dari lembu, kita harus memberi makanan kepada lembu itu. Ketidakadilan di dalam pembangunan sosio-ekonomi dalam konsep Persekutuan telah melanggari semangat penubuhan Persekutuan Malaysia dan menjadikan satu punca pecah-belah negara kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada soalan pelajaran di seluruh Malaysia. Pihak Kerajaan bertujuan

memperuntukkan wang sejumlah \$5.57 billion untuk tujuan pelajaran di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Wang itu merupakan 8.1% daripada semua peruntukan RML. Menurut Laporan Rancangan Malaysia Kelima, pihak Kerajaan akan menegakkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, walaupun bahasa Tionghua dan bahasa Tamil akan terus digunakan sebagai bahasa pengantar di dalam Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan, pihak Kerajaan tidak bercadang meminda Akta Pelajaran 1981, Fasal 21 (B) yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menjadikan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan sebagai Sekolah-sekolah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pelajaran merupakan punca utama di antara masyarakat bukan bumiputra bagi dekad yang lepas. Sejak zaman pemerintahan penjajah British dan sejak 1951, pelajaran bahasa ibunda sentiasa diugut dan diancam. Tiada apa-apa jaminan pun terdapat untuk memastikan hak-hak asasi rakyat kepada pelajaran dalam bahasa ibunda mereka. Matlamat usaha memperluaskan rancangan pelajaran haruslah dipertingkatkan untuk pembangunan potensi manusia. Menggalakkan pengetahuan akademik, kemahiran teknologi serta saintifik, matlamat pelajaran ialah, pertamanya menjadikan pemuda-pemuda kita sebagai pemimpin-pemimpin masa depan supaya mereka akan menyumbangkan kepada usaha pembinaan negara yang bersatu padu, maka pelaksanaan Dasar Pelajaran Negara kita harus memastikan kepentingan negara. Apa-apa ketidakadilan akan menjejaskan keharmonian perkauman pada masa depan. Malangnya, sejak melaksanakan Dasar Pelajaran Malaysia telah menjejaskan perkembangan perjalanan bahasa ibunda secara langsung dan tidak langsung.

Undang-undang seperti Akta Pelajaran 1982; Akta Pelajaran 1957; Akta Pelajaran 1981; Akta Pelajaran (Pindaan) 1972; Laporan Pelajaran Kabinet 1979; Kurikulum 3M 1981 dan Rancangan Kelas Integrasi 1985 merupakan langkah-langkah yang bertujuan untuk mengenakan kawalan ketat kepada pentadbiran pelajaran di dalam sistem pelajaran bahasa ibunda. Akta Pelajaran 1981, Fasal 12 (1) (B) merupakan ancaman utama kepada Sekolah-sekolah Rendah Bahasa China dan Bahasa Tamil. Perkara itu telah melanggar jaminan yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan—Fasal 152 (1) (A dan B). Oleh yang demikian, pada tahun-tahun yang lalu, banyak memorandum telah dikemukakan kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya Fasal 21(B) Akta Pelajaran 1981 dibatalkan. Akan tetapi, hari ini fasal tersebut masih dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan tidak boleh menikmati 100% bantuan daripada pihak Kerajaan, walaupun Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan adalah dibiayai secara 100% oleh Kerajaan. Perkara ini tidak adil kepada rakyat Malaysia yang menghendaki pelajaran dalam bahasa Tionghua, bahasa Tamil atau bahasa Iban kepada anak-anak mereka. Saya merayu kepada Kerajaan akan memberi 100% bantuan kepada SRJK.

Dalam tahun yang lalu, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan boleh menerima \$1 dari pihak Kerajaan bagi setiap ringgit yang dikutip oleh Lembaga Sekolah itu untuk tujuan membina atau membaiki bilik darjah. Akan tetapi pihak Kerajaan telah enggan memberi 50% bantuan kepada maksud tersebut dengan alasan kekurangan kewangan kerana ekonomi merosot.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid-murid di dalam Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan merupakan 28.1% daripada semua murid-murid sekolah rendah di Malaysia. Tetapi peruntukan pembangunan bagi murid-murid SRJK hanya berjumlah 0.12% dan termasuk peruntukan terus berjumlah hanya 4.2% sahaja daripada peruntukan bagi maksud yang sama di seluruh Malaysia.

Ibu bapa murid-murid SRJK membayar cukai dan mereka berhak untuk menikmati layanan yang sama bagi pelajaran anak-anak mereka. Sekiranya ketidakadilan yang saya sebutkan tidak diperbetulkan, adalah menjadi mustahil untuk kita mencapai perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping masalah pelajaran rendah, masyarakat menghadapi masalah besar pula terhadap pelajaran menengah sekolah ibunda. Buat masa sekarang, masyarakat Tionghua membuka dan mengurus sebanyak 60 buah sekolah-sekolah menengah Tionghua tanpa bantuan Kerajaan. 50,000 murid-murid menjalankan pelajaran menengah di dalam sekolah-sekolah itu. Sekolah-sekolah Menengah Cina itu menggaji guru-guru sebanyak 2,200 orang lebih dan menyediakan murid-murid ke arah pembangunan negara. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan tidak pernah memperuntukkan satu sen sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab.

Dasar diskriminasi pihak Kerajaan tentang pelajaran ibunda merupakan punca utama yang melahirkan perasaan kesal masyarakat kaum bumiputera. Jikalau pihak Kerajaan berazam mengatasi masalah polarisasi kaum, bantuan secara langsung hendaklah diberi kepada sekolah-sekolah tersebut.

Kekurangan guru-guru terlebih juga menjadi masalah serius bagi pelajaran ibunda. Bahasa ibunda tidak dijadikan

sebagai mata pelajaran wajib bagi sekolah-sekolah menengah. Tetapi syarat-syarat untuk mengambil murid-murid ke dalam Maktab Perguruan ialah Kredit di dalam bahasa ibunda serta Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, tidak terdapat banyak orang yang layak untuk masuk ke Maktab Perguruan. Maka, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan mengalami kekurangan guru-guru yang layak.

Saya cadangkan supaya masalah diselesaikan bahawa:

- (1) mengutamakan latihan guru-guru untuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan;
- (2) menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa wajib bagi semua murid-murid di peringkat pelajaran menengah;
- (3) mengiktirafkan sijil yang diberi kepada graduan dari sekolah-sekolah menengah Tionghua dan memperolehi mereka diambil masuk ke dalam maktab guru-guru;
- (4) mengiktirafkan ijazah-ijazah dari universiti-universiti Taiwan supaya beberapa graduan adalah dilatih sebagai guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, hak ibu bapa untuk anak-anak mereka belajar dalam sekolah-sekolah yang mereka ingin merupakan hak kemanusiaan. Hakisan hak kemanusiaan tersebut tidak boleh ditoleransikan dan akan juga melahirkan perasaan yang tidak sihat. Sebaliknya jika pihak Kerajaan menggalakkan kaum-kaum Malaysia untuk mempelajari bahasa bangsa lain, langkah positif akan menganjurkan kesefahaman di antara kaum, aliran idea-idea kebudayaan dan perpaduan negara.

Pada masa kini semua murid-murid Cina dan India pandai menulis dan membaca dalam Bahasa Malaysia.

Mereka mendapati persefahaman yang lebih penuh dan mendalam terhadap cara hidup dan nilai-nilai masyarakat Melayu. Sekiranya pihak Kerajaan menggalakkan murid-murid Melayu supaya mempelajari dalam bahasa Tionghua ataupun bahasa Tamil atau bahasa Iban, kanak-kanak Melayu akan memahami cara hidup dan nilai-nilai masyarakat ini. Kemudiannya, prasangka-prasangka di antara kaum akan dimusnahkan kerana persefahaman penuh di antara satu sama lain akan tercapai. Langkah itu adalah jambatan pertama untuk menyelesaikan masalah polarisasi kaum.

Saya memberi suatu contoh di sini. Bahagian Pertama di negeri Sarawak mempunyai 53 buah sekolah-sekolah rendah Cina dengan murid-murid berjumlah 14,494. Di antara murid-murid itu, adalah 760 orang kanak-kanak Melayu, Iban serta Bidayah. Bilangan itu ialah 5.2% dari jumlah murid-murid semuanya.

Satu contoh lagi, tadi saya menyebut Timbalan Menteri Pelajaran iaitu Yang Berhormat Tuan Bujang Haji Ulis biasa cakap: "Leo-hau-mah" iaitu "Apa khabar", itu lebih baik untuk melaksanakan polisi Kerajaan yang ada dijalankan di negara kita iaitu menghapuskan polarisasi kaum.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah amat menggalakkan. Saya cadangkan supaya suatu kajian dijalankan dengan murid-murid itu dengan matlamat menentukan sikap perkauman mereka. Saya yakin murid-murid tersebut tentulah menunjukkan sikap yang lebih tolak-ansur, lebih toleransi, lebih berjiranan dan lebih terbuka kepada kebudayaan murid-murid kaum lain.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.58 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia minggu lalu.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, katanya bagi menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkannya pada minggu lalu itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku Rancangan Malaysia Kelima ini terdapat kawalan pencemaran air. Walaupun dalam Bandaraya ini ada sebatang sungai, namanya Sungai Kelang, kita memuji pihak Bandaraya, pihak Lembaga Pelancongan Malaysia, Majlis-majlis Bandaran dan Badan-badan Berkanun yang lain kerana telah bekerja keras untuk membuat persiapan Persidangan PATA yang akan diadakan pada bulan hadapan.

Kalau kita lihat Bandaraya Kuala Lumpur sekarang ini ianya begitu indah, penuh dengan tanaman-tanaman bunga dan pokok-pokok pasang siap iaitu pokok-pokok besar diubah, yang rendang ditanam di bahu-bahu jalan. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, pokok-pokok pasang siap tadi, pokok kelapa sudah berumur dua tahun dialih, pokok-pokok besar dipacak pula kayu supaya jangan tumbang, mula kering sekarang sudah mengijau dibubuh baja.

Tuan Yang di-Pertua, membuat Bandaraya Kuala Lumpur ini lebih indah lagi ialah dengan kecantikan bangunan-bangunan lama yang telah dibaiki dan diberi wajah baru. Jalan raya pula diturap dan semua lubang-lubang telah pun ditutup. Tetapi

sungai Kelang yang terbentang di Bandaraya ini adalah sebuah sungai yang bersejarah yang mengalir di tengah Bandaraya masih kotor. Pada zaman dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh mengagakkan bahawa sungai begitu indah dan cantik maka mengalirlah air yang jernih. Sungai itu menjadi sumber minuman, air buat mandi dan lain-lain tetapi sekarang telah keluarlah kekotoran yang dibuang sampah sarap dan berbau busuk. Kalau hari tidak hujan, air najis dan sampah sarap sahaja yang mengalir di dalam Sungai Kelang itu. Kalau hujan sedikit pun mulailah naik banjir.

Memang tidak dinafikan bahawa Dewan Bandaraya di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan telah membelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit dan juga Jabatan Parit dan Taliair di bawah Kementerian Pertanian. Saya difahamkan bahawa beberapa pakar perunding dari luar negeri telah dibayar beratus-ratus ribu ringgit oleh Kerajaan untuk membuat kajian berkenaan dengan masalah pencemaran sungai di Lembah Kelang tetapi hasilnya masih belum tercapai dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, tertarik hati saya melihatkan di dalam TV tiga, dua hari sudah pada 26hb, gambar air ditunjukkan. Kata suara latarbelakang dengan air sungai mengalir di situ katanya, "air adalah salah satu sumber alam terpenting; minta maaf, saya quote perkataannya, "dalam kehidupan manusia". Hidup akan berakhir tanpa mendapat bekalan air yang bersih, ertinya mati. Kejernihan air menjadi sumber berharga kepada mahluk yang bernyawa sekarang ini telah banyak tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Jabatan Parit dan Taliair serta Dewan Bandaraya ini tidak akan berkesudahan. Kalau kita lihat apa yang berlaku sekarang ini, pihak Jabatan Parit dan Taliair Wilayah

Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerjanya asyik mengurik sahaja tiap-tiap hari dan tidak ada lain kerja. Tujuannya memang baik untuk mendalami sungai tetapi macam mana hendak dalam, mereka ini suka mengurik hanya di tengah sahaja. Kawasan di ulu sungai Kelang, bukan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, terus membuang hakis-hakis tanah ke dalam sungai, terutama apabila hujan lebat walaupun telah dikorek tanah itu menumpu ke kuala. Tuan Yang di-Pertua, tetapi macam mana hendak dalam, mereka ini suka mengurik hanya di tengah sahaja, kawasan di ulu Sungai Kelang bukan di bawah Bandaraya Kuala Lumpur, terus membuang hakis-hakis tanah ke dalam sungai. Kalau dihitung 100 lori sehari pun tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku mungkin pihak Majlis Bandaran yang berkenaan tidak ada peruntukan lagi bagi kerja tersebut dan penguatkuasaan undang-undang pencemaran alam sekitar tidak diperketatkan lagi. Buat masa ini terlalu banyak agensi-agensi Kerajaan yang terlibat di dalam pentadbiran sungai di Lembah Kelang, tiap-tiap agensi tersebut kurang jelas oleh kerana kepentingan masing-masing sering berlapis (overlap). Misalnya, pihak Jabatan Parit dan Taliair sepatutnya bertanggungjawab ke atas pentadbiran sungai pada keseluruhannya. Akan tetapi Kementerian Sains dan Alam Sekitar bertanggungjawab di atas pengawasan undang-undang kecemaran, terdapat pula Majlis Bandaran dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang turut juga bertanggungjawab di atas sungai yang mengalir di kawasan mereka. Jabatan Bekalan Air pula bertanggungjawab di atas empangan air. Akibatnya pemandangan di sungai Kelang itu amatlah mendukacitakan oleh kerana pencemaran air, sampah sarap yang timbul serta bahu yang

busuk. Pandangan yang kurang sihat ini akan memberi gambaran kurang senang kepada pelancong-pelancong kita terutama pada masa menyambut PATA nanti.

Di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengkaji semula tugas-tugas agensi yang berkenaan agar dapat ianya diselaraskan atau perlu ditubuhkan satu perbadanan yang khusus seperti yang berlaku di negara-negara Barat. Kalau air sungai bersih ikan-ikan akan dapat hidup dan juga digunakan sebagai distilled water atau air minum.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kemelesetan yang melanda negara kita ini tidak ada lain jalannya untuk memakmurkan negara ini ialah dengan cara pertanian sebagaimana yang dinyatakan di dalam Titah Ucapan yang lalu. Yang pertama sekali kita hendaklah memperbanyakkan hasil-hasil barang tanaman iaitu makanan kita sehari-harian. Saya perhatikan di kampung-kampung tanah terbiar tidak ada siapa hendak menasihatkan supaya orang-orang kampung, orang pendalaman bercucuk tanam, walhal tanah-tanah kita ini dicucuk pun sudah hidup, elok tumbuhnya. Bila kita perhatikan cabai berharga \$2.00, kadang-kadang cabai tidak menjadi boleh jadi harga itu \$3.00 sekati atau sekilo. Ini sungguh malang negara yang begitu subur kadang-kadang kita terdapat pula tanah terbiar begitu banyak terutama tanah ini diawasi oleh Kerajaan Negeri, kita dapati tanah-tanah begitu banyak terbiar di pinggir kampung, tanah di pinggir hutan, di pinggir gunung, di bukit bukau kita yang menghijau itu tidak dicucukkan dengan barang-barang makanan seperti sayuran dan sebagainya. Kalau dapat biarlah kita adakan balik Buku Hijau atau Bumi Hijau dalam masa memerangi kemelesetan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja tanah-tanah yang saya katakan begitu cantik tetapi kalau kita perlu kawasan yang telah digunakan oleh pelombong pun boleh dikaji untuk membajainya supaya subur. Misalnya, di kawasan-kawasan ini dibuat tempat ternakan ayam, kambing kemudian baja-bajanya dipupukkan bercucuk tanam pula. Kemudian didapati lombong-lombong, bekas-bekas kolam dipelihara ikan. Jadi sesuai dengan keadaan iklim kita ini dengan keadaan tanah-tanah yang tersedia ada yang mana telah dimaklumkan di Dewan yang mulia ini juga terdapat bekas-bekas lombong di negeri Perak lebih daripada 13,000 hektar. Begitu juga negeri Selangor lebih daripada 8,000 hektar maka inilah masanya agensi-agensi di Kementerian Pertanian mengambil peranan penting menunjuk ajar dan memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar. Lembu ternakan yang dipelihara secara ditanggung makannya digalakkan kepada penduduk-penduduk, pendek kata selepas lima, enam bulan lembu itu gemuk dan besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berpuas hati dengan Lembaga Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang terlibat dengan Dasar Pertanian Negara yang berhubung dengan perladangan berkelompok dengan cara estet. Pekebun-pekebun ini digalakkan pula memelihara kambing biri-biri untuk memakan rumput rampai di bawah pokok kelapa sawit ataupun getah, mengelak daripada membayar upah menebang kerana rumput rampai ini sentiasa di ragut oleh kambing dan lembu. Tahi lembu dan tahi kambing ini dijadikan baja pula, tidak payah kita membeli baja untuk membajai kelapa sawit dan getah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku ini juga menyatakan kegunaan tenaga buruh dan gunatenaga. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Buruh yang akan

menamatkan pas kerja kepada buruh-buruh yang bukan rakyat Malaysia seramai 30,000 orang. Ini adalah langkah memberi peluang kepada rakyat negara ini yang sedang menganggur dan mereka yang dibuang pekerjaannya di sektor perkilangan dan perindustrian serta memberi peluang pula kepada belia-belia yang masih bersekolah. Belia-belia yang masih bersekolah, latihan kerja hendaklah disediakan lebih ramai lagi oleh Kementerian Buruh ini di Institut Kemahiran MARA dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sebagaimana yang kita dengar tadi Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa ada pengambilan-pengambilan, tetapi sangat sedikit kerana belia-belia kita berjuta-juta ramainya dalam negara ini, pendek kata 60% daripada penduduk negara kita ini terdiri daripada belia-belia.

Yang saya maksudkan adalah belia-belia selepas tamat persekolahan menengah, khasnya di luar bandar yang keciciran dan tidak dapat menyambung pelajarannya lagi, ditingkatkan lagi pengambilannya di tempat latihan belia seperti di Pertak, di Kuala Kubu, di Kuala Terengganu serta diwujudkan sebagaimana dinyatakan akan diwujudkan 7 buah lagi tempat latihan belia-belia ini.

Syukur alhamdulillah, kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tujuannya tiap-tiap negeri ini supaya diadakan bukan sahaja 7, tetapi tiap-tiap negeri keseluruhannya, iaitu negara kita ada 13 negeri, biarlah 13 buah tempat latihan disediakan. Ini bagi mengelakkan mereka daripada menganggur dan membuang masa yang sia-sia. Selepas tamat sekolah, mereka ini diberi keutamaan bekerja dengan Kerajaan. Selepas tamat latihan ini, diberi mereka bekerja

dengan Kerajaan/swasta, seperti amalan yang dibuat pada tahun 1970an yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tenaga kuasa elektrik, di mukasurat 509. Saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Letrik Negara kerana sektor ini menjalankan usahanya sangat rapi dan berjaya melaksanakan tugas-tugasnya kerana tenaga kuasa elektrik ini berkait rapat dengan ekonomi negara. Walau bagaimana cekap kempen penjimatan kuasa tenaga elektrik ini dibuat, orang-orang kampung di luar bandar dan penduduk bandar menyedari kempen ini dan kita dapati berkesan. Malangnya, pihak Kerajaan kita apakala menyambut satu-satu keramaian, yang mendukacitakan, masih lagi memandikan cahaya di waktu malam terang-benderang. Jadi, zaman kemelesetan ini hendaklah di buat cara sederhana sahaja supaya manfaat slogan yang kita gunakan "Kepimpinan Melalui Tauladan" telah dipertikaikan oleh orang-orang kampung dan orang-orang yang miskin, katanya Kerajaan telah menggunakan lampu begitu banyak, kita disuruh berjimat-cermat. Inilah kemusykilan, saya sebagai Wakil Rakyat kampung, perkara ini telah disebut-sebut oleh mereka. Terdapat pula di waktu siang, kadang-kadang di tengah jalan satu-satu pekan itu lampunya terang waktu siang. Adakah terang ini kerana untuk diperbaiki, untuk cubaan, tetapi kalau selalu sangat terang di waktu siang, tentulah membazir dan ganjil, kadang-kadang lampu ini terang di dalam bandar, dalam pekan itu waktu siang dan waktu malam ada sekali-sekala gelap pula. Inilah yang sedihnya.

Sepatutnya kalau sudah dikawal, dijaga, diselidiki, tentu tidak jadi sedemikian. Kadang-kadang pula waktu pukul 7.00, setengah pekan pukul 6.30 cahaya matahari, cahaya

asli kita, elok terang-benderang, lampu sudah dipasang. Inilah yang dikatakan membazir. Kadang-kadang waktu pagi, subuh lebih awal dipadam, susah budak-budak hendak pergi sekolah, susah orang-orang tua hendak pergi masjid menunaikan fardu sembahyang Subuh. Ini pun kita mesti ambil kira. Oleh itu, di dalam soal jimat-cermat ini bukanlah kita beri atau tumpukan kepada rakyat biasa, tetapi kepada keseluruhan penduduk negara ini untuk menentukan negara ini supaya tidak membazir.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut pula berkenaan dengan orang-orang memakai kereta jentera di atas jalan raya. Pada hari ini mereka telah bersungut insuran tidak boleh dibayar 6 bulan, hendaklah dibuat selama setahun atau 12 bulan. Kalau hendak 6 bulan, dikira 9 bulan. Zaman yang meleset ini mulalah insuran membuat kira. Perkara ini adalah menyusah dan menyiksakan batin rakyat. Kalau dapat, biarlah dikenakan kalau 6 bulan, diberilah 6 bulan, kalau dapat rakyat ini 3 bulan, sebulan pun dapat beransur-ansur. Ini dikenakan seolah-olah satu denda, siapa ambil 6 bulan, mesti ambil 9 bulan. Ini tidaklah memberi faedah kepada rakyat yang mana kereta-kereta kenderaan yang menggunakan insuran ini berjuta-juta banyaknya di atas jalan raya kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkait pula dengan pertahanan, muka yang akhir, tentera-tentera kita ini sangat gigih untuk mempertahankan negara dan mereka tidak kurang pula menjaga keselamatan negara kita ini, tetapi keselesaan dan kebajikan mereka, terutama perumahan bagi anggota-anggota tentera sangat menyedihkan.

Di Tapah, di tempat saya ada satu Battallion Askar Melayu Kelima satu bangunan rumah (quarters) untuk anggota atau pegawai pun tidak ada, tetapi kem ataupun khemah tentera itu sudah ada wujud begitu cantik

dengan kawasan lapang dan sebagainya. Mereka ini datangnya ditukarkan daripada Ipoh. Oleh kerana Tapah itu sebuah kampung, mereka tidak ada rumah untuk hendak disewa, adapun sedikit sangat dan bukanlah taraf sebagai orang hendak sihat, cuma orang itu melepaskan rumah-rumah yang lebih sahaja. Jadi, tentera-tentera ini masih lagi tinggal di Ipoh, di Batu Gajah dan di Gopeng, persisiran daerah Kinta. Cara-cara tentera ini datang ialah menggunakan motosikal, sudah banyak menempuh bahaya, kemudian lori ini juga mengangkut. Kita ini hendak jimat, tetapi kalau keadaannya macam ini bukan menjimatkan, minyak habis, tentera kita banyak yang "accident" dan mereka tentulah bekerja dan bertugas tidak selesa mengenangkan anak dan isteri jauh di mata mereka, iaitu mereka di kem tentera itu. Kadang-kadang mereka pergi ke hutan belantara untuk menentang penganas komunis, dia teringat yang rumahnya jauh daripada kemnya. Diharapkan inilah satu daripada Rancangan Malaysia Kelima ini supaya didirikan rumah-rumah atau berek-berek tentera ini supaya mereka dapat duduk dengan selesa dan berkhidmat dengan Kerajaan kita dengan cemerlang, kerana tidak ada negara yang membangun kalau negara itu kucar-kacir.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tentera juga, tentera kita ini memakai baju celoreng. Baju ini dibeli daripada swasta-swasta, mengapa tidak diselaraskan bahawa kita ada MARA, MARA kita ada satu anak syarikatnya bernama KIMA. KIMA ini mengeluarkan baju celoreng, mengapa tidak diselaras-selarikan ambil agensi kepunyaan Kerajaan dijual kepada tentera, tak usah ambil di tempat lain supaya pekerja-pekerja kilang KIMA yang terdiri daripada bumiputera itu dapat bekerja. Tetapi apabila tidak diambil, maka menonglah KIMA ini menunggu

bahasa ibunda. Pihak Kerajaan hendaklah mengambil kira sumbangan yang lebih yang telah dibuat oleh sekolah-sekolah menengah Tionghua kepada proses pembangunan dengan memberi bantuan secara konkrit kepada sekolah-sekolah itu.

Ketiga, ciri-ciri budaya kaum yang bukan bumiputera harus diambil kira supaya menjadi sebahagian daripada kebudayaan nasional. Negara kita merupakan sebuah negara berbagai budaya, keindahan dan berbagai-bagai budaya itu adalah jiwa negara kita yang hakikat ini tidak dapat dinafikan. Hanya melalui proses integrasi dan bukan proses asimilasi. Bukan kita mewajibkan kebudayaan negara yang bermakna orang-orang tidak akan terpaksa untuk menerima budaya kaum lain. Kalau mereka terpaksa berbuat demikian, perasaan benci-membenci akan timbul.

Keempat, kami bercadang supaya sekiranya keadaan sosio-ekonomi di kampung-kampung baru dibangunkan maka ia boleh diintegrasikan di dalam "manistream social economy" negara. Masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru telah lama wujud. Selama 30 tahun mereka mengambil kesulitan dengan:

- (a) kekurangan tanah;
- (b) geran tanah;
- (c) pengangguran;
- (d) kekurangan kemudahan-kemudahan asas;
- (e) pertambahan bilangan penduduk-penduduk.
- (f) taraf pelajaran yang rendah.

Maka menjadi jelas keadaan di kampung-kampung baru hendak memperbaiki keadaan keadilan sosio-ekonomi.

Kelima, kami berpendapat bahawa pihak berkuasa harus mengambil

tindakan sekeras-kerasnya untuk membanteraskan masalah pendatang haram Indonesia. Pendatang haram Indonesia merompak peluang pekerja-pekerja tempatan. Mereka juga merupakan satu ancaman dari segi keselamatan dengan melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan penjenayah seperti rompakan dan pembunuhan. Kita harus memansuhkan Perjanjian Buruh antara Malaysia dan Indonesia dan lebih 500,000 pendatang haram Indonesia haruslah dihantar balik ke negara asal mereka.

Keenam, langkah Kerajaan untuk menimbang dan melulus permohonan kewarganegaraan oleh pemegang-pemegang kad pengenalan merah harus disegerakan. Di segi permohonan kewarganegaraan adalah satu masalah yang lama wujud. Selepas bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak melawat negeri China pada tahun 1974 beliau mengumumkan bahawa masalah tersebut yang dihadapi oleh sebanyak 400,000 orang yang memegang kad pengenalan merah akan diselesaikan. Akan tetapi dalam 12 tahun ini perjanjian itu belum ditunaikan. Di samping itu, banyak pemohon-pemohon kewarganegaraan yang layak masih belum menerima keputusan akan permohonan mereka, sejak sepanjang lima ataupun enam tahun atau lebih. Maka menjadilah amat penting bagi pihak Kerajaan untuk menyerapkan pemerosesan pemohon-pemohon itu.

Ketujuh, kami mencadangkan supaya urusan penyemakan semula kawasan-kawasan pilihanraya dijalankan dengan menghormati prinsip perwakilan adil. Seseorang pengundi berhak diwakili dengan adil dan saksama. Maka kita harus memberi lebih keutamaan kepada mengurangkan perbezaan bilangan pengundi antara satu kawasan pilihanraya dengan yang lain. Dengan keadaan yang wujud, kadangkala

bilangan pengundi-pengundi di dalam satu kawasan tertentu adalah tiga kali ganda bilangan pengundi-pengundi di dalam satu kawasan lain. Ketidakadilan itu mestilah diperbetulkan supaya memberi erti kepada sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan.

Kelapan, kami mencadangkan supaya suatu keazaman baru dilahirkan yang melibatkan semua rakyat untuk menyelesaikan operasi baru tentang masalah rasuah. Masalah rasuah telah menjadi satu cara hidup dalam masyarakat Malaysia. Pentadbiran 2M telah menjamin untuk mewujudkan satu Kerajaan yang cekap, bersih dan amanah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah berkata, dengan izin, "I will put the fear of God in the hearts of the corrupt". Malangnya janji itu menjadi kosong sahaja setakat ini. Rakyat Malaysia belum dapat menyaksikan satu kes rasuah pun yang melibatkan ikan besar dihadapkan ke mahkamah. Yang lebih setiad juga, walaupun \$2.5 billion telah dibuang di Hong Kong di dalam skandal BMF tetapi pihak berkuasa belum menghadapkan sesiapa pun ke mahkamah atau perasuah yang terlibat.

Akhirnya kami berpendapat bahawa semua undang-undang yang melanggar hak-hak asasi manusia harus dipinda ataupun dimansuhkan.

Kita mesti menyemak semula undang-undang seperti ISA, Sedition Act, Printing and Publication Act, University and University College Act dan sebagainya. Undang-undang seperti itu hanya digunakan untuk menindas hak-hak demokrasi rakyat. Kalau pihak Kerajaan enggan mengulangkaji undang-undang tersebut maka rakyat Malaysia akan menghukum Barisan Nasional dalam pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, 9 perkara tersebut di atas adalah isi kandungan perisytiharan yang dikeluarkan oleh pihak Pertubuhan-pertubuhan Tionghua.

Setiausaha Agung MCA merangkap Menteri Buruh Yang Berhormat Tuan Lee Kim Sai, apabila membuat ucapan dalam suatu mesyuarat MCA di Serdang, Selangor pada 15hb Mac 1986 mengatakan bahawa MCA bersetuju dengan sepenuhnya dengan pandangan yang termuat dalam perisytiharan tersebut. Saya mencabar Yang Berhormat Menteri Buruh mengulangi sekali lagi pandangan-pandangan MCA itu ke atas perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini dengan memberi satu janji bahawa perkara-perkara yang saya telah sebutkan akan diselesaikan oleh MCA di dalam satu tempoh yang spesifik. Jika Yang Berhormat Menteri Buruh enggan berbuat demikian, kita rakyat Malaysia akan memutuskan bahawa Yang Berhormat itu adalah talem dua muka dan kita tidak dapat dipercayai lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai.

4.39 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana dapat turut serta dalam perbahasan Usul atas pembentangan Rancangan Malaysia Kelima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan Rancangan Malaysia Kelima bagi kelulusan sidang Dewan ini maka berertilah ianya meletakkan suatu harapan yang besar dengan penuh kebanggaannya untuk dapat mencapai segala-gala yang diharapkan oleh seluruh rakyat dan negara selama ini. Dalam pembentangan Usul Rancangan Malaysia Kelima oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri pada tempoh 1986-1990 itu dapatlah difahami yang ianya terbahagi kepada tiga bahagian besar iaitu:

- (i) Sebagai sorotan kembali prestasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat dan juga Ketiga dan Kedua;
- (ii) Tinjauan terhadap masa depan ekonomi serta pelanjur dan target-target rancangan seterusnya; dan
- (iii) huraian tentang strategi rancangan dan juga perbelanjaan-perbelanjaan yang dicadangkan untuk jangka masa waktu 1986-1990.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat sebenarnya menunjukkan purata yang sederhana dan kurang memuaskan. Ini terbukti dengan wujudnya pertumbuhan ataupun pertumbuhan ekonomi yang rendah, kemelesetan ekonomi, kemerosotan dalam syarat-syarat perdagangan Malaysia, defisit, imbalan perdagangan yang meruncing masalah hutang luar negara dan lain-lain yang telah memenuhi ruang ini.

Prestasi Dasar Ekonomi Baru juga dalam konteks Rancangan Malaysia Keempat telah timbul perasaan kerugian dan tidak selamat berikutan dengan pertumbuhan ekonomi yang rendah dan menghadapi cabaran kemelesetan semasa.

Berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman dan kesan-kesan yang dialami bagi tempoh yang lalu, maka jelaslah bahawa adalah wajar segala konsep, segala dasar dan program-program sebelum ini diteruskan dengan mengambil kira akan segala kelemahan-kelemahan diperbetulkan, segala yang menjadi halangan dibereskan dan segala yang menjadi kekaburan diperjelaskan. Malahan apa sahaja yang menjadi masalah

haruslah diselesaikan dengan seberapa dayanya demi bagi pencapaian sepenuhnya Rancangan Malaysia Kelima khususnya di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kata Ketua Pembangkang di Dewan ini bahawa Rancangan Malaysia Kelima adalah kurang mendapat perhatian kerana ianya ditenggelami oleh isu-isu Kertas Putih, BMF, kes Memali dan lain-lain keadaan politik semasa. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pembentangan Rancangan Malaysia Kelima ini adalah satu-satunya perkara yang wajar mendapat perhatian kerana segala program dan strategi serta target perancangan dan pencapaian bagi kejayaannya menjelang 1990 adalah satu-satunya tempoh masa yang amat mencabar untuk masa depan bangsa dan negara.

Dalam menggariskan strategi dan target Rancangan Malaysia Kelima bagi mencapai kejayaan dan kesempurnaan yang menjadi harapan besar kita dengan berterusan untuk kesejahteraan rakyat, saya juga menyetujui bahawa tidaklah boleh diletakkan tanggungjawab kepada sektor awam sahaja tetapi sebaliknya haruslah penglibatan yang lebih besar yang patut diturut serta oleh sektor swasta sendiri kerana dengan wujudnya penggembelangan tenaga dari dua sektor ini hasilnya kelak adalah benar-benar menjadi ataupun khususnya menjadi apa yang dinyatakan sebagai konsep persyarikatan Malaysia yang sebenar-benarnya seperti yang diutarakan.

Apabila kita menyebut tentang penglibatan kalangan swasta dalam peranannya yang dapat dimainkan di dalam pembangunan dan kemajuan serta pertumbuhan ekonomi negara, maka ini juga jelas menunjukkan bahawa peranan dan fungsi swasta adalah di bidang memajukan dan mengeksplotasikan bahan-bahan yang berasaskan sumber dan bukan

sumber, terutama sekali di bidang-bidang perindustrian kecil dan perindustrian berat.

Harapan Rancangan Malaysia Kelima kepada sektor swasta dengan jangkaan pelaburan terkumpul sejumlah \$73,397 juta sebagai peningkatan daripada 54.9% pada tahun 1985 kepada 61% pada tahun 1990, akan menjadi kenyataan, andainya beberapa faktor penghalang dan negatif semasa dapat diatasi dengan sewajarnya.

Faktor-faktor penghalang dan negatif yang saya maksudkan itu ialah mengenai wujudnya perkara-perkara berikut:

- (i) Maklumat-maklumat ekonomi yang tersorok;
- (ii) Tahap teknologi yang rendah;
- (iii) Gunatenaga mahir yang tidak seimbang ataupun pembangunan gunatenaga yang tidak selaras; dan
- (iv) Galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan yang terhad.

Oleh kerana banyaknya maklumat-maklumat mengenai ekonomi telah tidak terhebah atau hanya berada di pihak-pihak perancangan dasar ataupun agensi-agensi tertentu sahaja, maka kesannya ialah:

- (i) Kalangan swasta, khususnya kalangan bumiputera, tidak mendapat maklumat di atas segala dasar dan peluang-peluang yang wujud semasa;
- (ii) Menjadikan kekaburan bagi kalangan swasta untuk menyertainya; dan
- (iii) Menjadikan lembabnya penyertaan dan penglibatan swasta khususnya kalangan bumiputera.

Tahap teknologi rendah pula telah mengakibatkan tidak dapat bertindak

balas terhadap pasaran, taraf daya usaha rendah, kurang persaingan dan memerlukan perlindungan dan pergantungan, sementara masalah gunatenaga pula yang tidak seimbang telah menimbulkan kos pengeluaran yang tinggi, daya pengeluaran yang rendah, mutu barangan yang tidak setanding dan berbagai-bagai lagi masalah lain. Dengan demikian juga kurangnya berbagai kemudahan asas dan kemudahan-kemudahan keperluan semasa serta galakan yang tidak menyeluruh dan seimbang, maka bertambah sukarlah bagi perkembangan seterusnya dengan lebih wajar bagi pertumbuhan dan kemajuan industri semasa di negara ini.

Oleh yang demikian, sukarlah saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan dan khususnya Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan supaya segera mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menyelesaikan faktor halangan yang dinyatakan tadi dan memandangkan bahawa Pelan Induk Perindustrian Negara telah pun dikenalpasti, maka amatlah diharapkan agar ianya dapat dilaksanakan seberapa segeranya, demi menghadapi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara yang sedang mencabar sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan mengenai pembangunan negara dan rakyat, saya amat menyetujui bahawa ianya berkaitan dengan keadaan dan juga sikap masyarakat itu sendiri. Kesedaran dan perubahan sikap rakyat terhadap program-program yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah suatu yang wajar kerana jika tidak, maka bertililah pelaksanaan dan kekesanannya tidak berkemungkinan dicapai seperti yang dijadualkan. Oleh itu sukarlah saya menyarankan kepada pihak Kerajaan supaya perancangan pertumbuhan pembangunan haruslah sejajar dengan

pembangunan insan dan kemampuan penyertaan rakyat sendiri, khususnya di sektor miskin, sementara matlamat pembangunan insan itu pula haruslah dikaji dan dikenalpasti dengan mendalam agar ianya benar-benar menjadi selaras dengan keperluan dan kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, lahirnya Rancangan Malaysia Kelima adalah pada waktu dan ketika yang menghadapi berbagai-bagai suasana dan cabaran terutamanya cabaran-cabaran menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembab dan juga menghadapi pengeluaran sumber-sumber yang terhad. Namun demikian, kita bersyukur kerana Kerajaan masih berkemampuan bagi memberikan peruntukan-peruntukan yang besar untuk berbagai-bagai perancangan dan perlaksanaannya yang berterusan bagi kesejahteraan rakyat khususnya ke arah mencapai Dasar Ekonomi Baru.

Untuk membuat penilaian apakah segala program dan perancangan yang dibuat akan tercapai dengan memuaskan atau sebaliknya adalah suatu yang amat sukar untuk dibuat kerana ianya baru bermula dan masih di tahap langkah pertama. Bagaimanapun, seperti yang pernah saya sebutkan berulang kali bahawa pencapaian sesuatu program bergantung kepada tiga peringkat, iaitu peringkat membuat dasar, peringkat pelaksanaan dasar dan peringkat sasarannya.

Sekiranya peringkat-peringkat tersebut benar-benar mempunyai komunikasi yang selaras dan benar-benar berfungsi sebagai bertimbang-balas iaitu peringkat sasaran memahami kehendak dan maksud pelaksanaan dan pihak pelaksanaan memahami dasar dan konsepnya dengan mendalam, sementara pihak perancang pula memahami kehendak-kehendak sasaran dan pelaksanaan juga sejajar dengan kemampuan dan

penerimaannya, maka adalah lebih mudah menuju ke arah pencapaian dan lahirnya kejayaan. Jika tidak, adalah amat bimbang kemungkinan dasar dan perancangan hanya di atas kertas sahaja tanpa mencapai kekesanannya sepenuhnya seperti yang diharap-harapkan. Dengan itu sukalah saya menyarankan di sini agar dapat memenuhi kejayaan yang dikehendaki itu berdasarkan berikut:

- (i) perancangan ini haruslah bergantung kepada hasil kajian daripada masa ke masa kerana hasil kajian itulah yang dapat menentukan sebenarnya arah dan arus perancangan yang sewajarnya untuk dilaksanakan bagi mencapai matlamat kekesanannya;
- (ii) pelaksanaan ini juga haruslah dilaksanakan dengan dilakukan penyelidikan-penyelidikan yang mendalam dan mengenalpasti terutamanya di segi perkembangan dan juga di bidang teknologi semasa, kerana sekiranya pelaksanaan dilaksanakan tanpa mempunyai penyelidikan-penyelidikan yang sebenarnya kemungkinan pelaksanaan-pelaksanaan itu akan menghadapi berbagai masalah dan kemungkinan juga ianya tidak dapat dilaksanakan sewajarnya; dan
- (iii) perlulah mempunyai susulan kerana susulan haruslah diwujudkan di dalam perancangan dan pelaksanaan untuk kekesanannya haruslah juga mendapat maklumbalas dan memastikan kekesanannya, serta juga susulan ini haruslah mengambil peranan dan fungsinya ke arah mengawasi, menilai, mengenalpasti, menyelaraskan dan menyesuaikan

menurut sewajarnya kepada perancangan dan pelaksanaan asal.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi yang terus lembab, maka tidak dapat tidak masalah pengangguran akan bertambah dan menimbulkan berbagai-bagai masalah. Dari itu saya amat menyambut baik di atas perhatian dan tindakan Kerajaan bagi mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mendorong sebahagian daripada kalangan pengangguran ke bidang lain, termasuklah peluang penyertaan yang luas di bidang perniagaan kecil dan sebagainya. Langkah-langkah Kerajaan memperkenalkan Skim Pinjaman Penjaja, memudahkan cara mendapatkan lesen, mengurangkan kadar bayaran kepada lesen serta mensyaratkan pemaju-pemaju perumahan menyediakan tapak-tapak khas untuk perniagaan kepada penjaja-penjaja dengan teratur, adalah merupakan tindakan segera yang paling wajar dilaksanakan dan langkah-langkah ini harus difahami oleh semua pihak terutama sekali kepada agensi-agensinya yang berkenaan agar tidak berlaku sebarang penyelewengan, apa lagi dengan bertujuan bagi menahan bubu di pergentingan, ataupun akan berlaku apa yang dikatakan sebagai "cakap tidak serupa bikin".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita juga ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelima ini adalah di dalam keadaan suasana negara baikpun di segi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi ataupun di segi kedudukan suasana politik semasa dan ini adalah amat mendukacitakan kita sekiranya masalah kepentingan perpaduan dan keamanan tidak wujud, maka berertilah segala perancangan bagi kesejahteraan rakyat dan negara tidak akan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan sewajarnya. Oleh yang demikian saya

menyarankan supaya Kerajaan mengambil perhatian yang serius ke atas masalah-masalah semasa yang menjadi masalah, yang kemungkinan akan menjejaskan perancangan yang sedang dirangka. Selain daripada itu masalah-masalah dan cabaran terhadap negara kita juga sedang berterusan sepertimana masalah dadah, masalah komunis dan pelampau-pelampau agama dan perkauman. Masalah-masalah ini tidaklah boleh dipandang kecil, tetapi hendaklah diambil perhatian yang sewajarnya supaya masalah-masalah yang sedang berlaku dan akan berlaku tidak akan berterusan yang mana keadaan ini jika berterusan akan menjejaskan kestabilan, keamanan dan juga untuk mencapai kesejahteraan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya memandangkan bahawa Rancangan Malaysia Kelima yang dibentangkan di Dewan ini adalah sebenarnya sebagai perancangan berterusan daripada Rancangan-rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat yang berlalu, terutama sekali untuk usaha-usaha mencapai segala matlamat yang berasaskan di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, maka adalah diharap supaya semua pihak akan dapat memberi penuh kerjasama untuk seterusnya mencapai kejayaan yang diharapkan dan bagi diri saya sendiri, dengan ini saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa saya menyokong penuh di atas pembentangan Rancangan Malaysia Kelima ini untuk diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mukah.

4.57 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Rancangan Malaysia Kelima yang telah dibentangkan di

Yang di-Pertua, ini adalah satu angka penunjuk sahaja dan saya percaya taraf kesihatan telah pun bertambah baik di kawasan tertentu. Kalau kita ingin meneliti angka-angka ini, Tuan Yang di-Pertua — saya tidak berhajat demikian tetapi saya cuma menyentuh sedikit — ini memang tinggi kalau kita memandangkan kemudahan-kemudahan dan juga perbelanjaan dalam segi kesihatan yang telah dibagikan oleh Kerajaan di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan bandar. Tetapi angka ini bukanlah keseluruhannya tinggi. Ada kawasan-kawasan yang masih mundur di mana kita hanya dapat memberi perkhidmatan kadangkala sebulan sekali atau sekali dalam tiga bulan, kerana seperti yang kita sama-sama faham bahawa memanglah adanya masalah berkaitan dengan kemudahan-kemudahan untuk pengangkutan dan perhubungan. Tetapi saya harap dalam pelancaran Rancangan Malaysia Kelima ini, atau pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima ini pertimbangan atau tekanan harus diberi atas keluasan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan dan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar. Walaupun kita masih menghadapi kekurangan doktor pakar atau doktor perubatan tetapi ini bukannya menjadi satu penghalang untuk kita memberi perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan ini kerana saya percaya bahawa banyak usaha-usaha atau tujuan-tujuan perkhidmatan kesihatan dapat dijalankan selain dari profesional dan saya harap ini dapat diberi pertimbangan lebih berat di dalam Rancangan Malaysia Kelima, dan juga pertimbangan diberi kepada kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan mundur di mana terdapat penyakit-penyakit seperti cirit-berit dan batuk di kalangan kumpulan kanak-kanak kerana ini adalah satu petunjuk yang lebih sensitif lagi untuk kita mengkaji kesihatan masyarakat kita.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kita harus menjagakan kesihatan kanak-kanak kita sekarang kerana mereka masih panjang umur dan lagi masa hadapan yang berlebihan dari kita untuk hidup di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sahaja saya ingin memberi pendapat-pendapat saya atas Rancangan Malaysia Kelima ini dan saya ingin sekali lagi menyatakan tahniah kepada Kerajaan dan Perdana Menteri kita atas kejayaan mereka dapat membentangkan satu Rancangan Malaysia Kelima dengan adanya cabaran suasana-suasana ekonomi negara dan ekonomi dunia yang tidak begitu sihat. Dengan itu, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada Rancangan Malaysia Kelima dan usul yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tampin.

5.41 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin bertanya. Yang Berhormat belum pernah bercakap lagi semenjak sesi Parlimen bermula, bukan?

Tuan Omar bin Abdullah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, untuk makluman saya hendak bertanya itu sahaja.

Tuan Omar bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi saya peluang dan terlebih dahulu saya ingin merakamkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bertanya itu untuk pendengaran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

mengkaji perkara ini, menentukan kelemahan-kelemahan dan mencari penyelesaian-penyelesaian.

Dari segi penglibatan bumiputera dalam pembinaan sivil umpamanya kita sebenarnya telah pun berjaya melahirkan beberapa kontraktor yang baik. Tetapi sebahagian besar daripada kontraktor-kontraktor bumiputera masih lagi merupakan kontraktor-kontraktor kelas F yang tidak profesional yang tidak ada kemahiran dan itu pun ramai yang gagal untuk menjadi kontraktor kelas F yang berjaya, kerana mereka ini menghadapi berbagai-bagai masalah yang tidak perlu saya sebutkan di sini. Walaupun terdapat berbagai-bagai agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan, seperti Pusaka Bumi, Unit Penyertaan Bumiputra, JKR dan lain-lain badan Kerajaan, termasuk Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, tetapi pencapaian matlamat untuk memwujudkan kontraktor bumiputra yang maju, yang dinamik dan efisien masih lagi di tahap yang rendah. Yang demikian, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Tuan Yang di-Pertua, perkara performance, dengan izin, kontraktor-kontraktor kita ini perlulah diutamakan. Unit Penyertaan Bumiputra perlulah betul-betul menjadi unit untuk membantu kontraktor bumiputra kita dan mestilah ada pegawai yang terlatih khususnya dalam unit-unit Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Perlu juga dikaji bagaimana badan-badan ini dapat membantu dengan berkesan dan memastikan bantuannya berkesan, Tuan Yang di-Pertua. Sementara itu saya rasa Kerajaan perlu juga ada program untuk memwujudkan kontraktor-kontraktor Malaysia bertaraf antarabangsa yang boleh melibatkan diri bukan sahaja dalam kerja-kerja di Malaysia ini tetapi juga dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Mungkin boleh diadakan program khas supaya

graduan-graduan profesional bumiputera dapat diberikan exposure, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di Jabatan-jabatan Kerajaan, di syarikat-syarikat swasta yang berjaya dan kemudiannya digalakkan untuk melibatkan diri dalam bidang niaga khususnya dalam program pengswastaan Kerajaan. Ini bukan sahaja harus dibuat dalam bidang sivil, Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga dalam bidang-bidang yang lain juga yang memerlukan kemahiran dan kepakaran.

Dalam bidang trading, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bantuan Kerajaan melalui Arahan Perbendaharaan yang dibuat pada tahun 1970 yang lalu yang memberikan keutamaan dalam tender-tender Kerajaan kepada bumiputera telah berjaya mewujudkan beratus-ratus syarikat trading bumiputera. Tetapi kebanyakannya bertumpu kepada bekalan Kerajaan dan persaingannya adalah sangat hebat dan ramai yang telah merana. Sebenarnya mereka ini merupakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, commission agent kepada syarikat-syarikat yang besar khususnya syarikat-syarikat yang dikawal oleh peniaga-peniaga bukan bumiputera. Saya rasa dalam Rancangan Malaysia Kelima ini perlu ada usaha untuk memperbaiki keadaan yang tidak sihat ini. Kita sudah tentu tidak mahu melihat hubung niaga antara syarikat bumiputera dan bukan bumiputera secara artificial, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dan matlamat dasar menentukan taraf bumiputera itu ialah supaya tiap-tiap kaum di negara ini dapat berhubung rapat secara intim, bekerjasama menikmati kekayaan negara. Perlu juga ada usaha untuk memwujudkan rangkaian pengedar-pengedar, pembuat-pembuat, dan peruncit-peruncit bumiputera dalam mana, dalam hal ini pencapaian kita masih lagi tersangat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mewujudkan usahawan pembuatan bumiputera yang masih di tahap yang rendah, walaupun agensi yang berkaitan dengan matlamat ini telah bekerja keras. Usaha-usaha MARA, Bank Pembangunan Malaysia Bhd dan lain-lain agensi perlulah dipertingkatkan dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini lebih-lebih lagi azam Kerajaan untuk menggalakkan pembuat-pembuat Malaysia menembusi pasaran asing. Saya sangat tertarik hati dengan pengumuman MARA untuk mewujudkan kawasan industri kecil bumiputera di Batu Caves pada tahun 1986 ini. MARA perlulah memastikan program ini dapat dijayakan sepenuhnya dan masalah utama bumiputera ialah lapangan ini merupakan lapangan yang baru. Mereka ini tidak banyak yang berpengalaman dan kepakaran teknologi adalah rendah. Sokongan pasaran pula merupakan masalah yang paling utama. Oleh kerana itulah saya telah mencadangkan supaya MARA dan Perbendaharaan Malaysia dapat bekerjasama. Masih banyak terdapat barangan-barangan dalam kontrak Perbendaharaan umpamanya yang diimport tetapi boleh dibuat oleh pembuat-pembuat bumiputera di negara ini, dan masih juga banyak butiran-butiran yang dibuat di negara ini tetapi tidak ada penyertaan bumiputera. Barang-barang ini pula tidak memerlukan teknologi yang tinggi. MARA juga perlulah memperluaskan program industri kecil ini ke negeri-negeri yang lain supaya lebih ramai bumiputera dapat menyertainya dan MARA juga perlulah bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain yang terlibat supaya tidak ada kerja yang bertimbal balik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang Dasar Pertanian Negara khususnya dalam usaha Kerajaan memperluaskan struktur ekonomi negara kita.

Kerajaan telah pun menegaskan melalui Rancangan Malaysia Kelima bahawa sumbangan sektor pertanian akan dipertingkatkan. Saingan-saingan kepada komoditi eksport utama pertanian kita seperti getah, kelapa sawit dan koko sudah tentu akan bertambah hebat lagi, pada masa-masa yang akan datang ini, lebih-lebih lagi kos keluaran di negara jiran khasnya Indonesia dan Thailand jauh lebih murah. Kerajaan perlulah bersiap sedia menghadapi penghijrahan pelabur-pelabur pertanian kita ke negara-negara tersebut. Mereka ini pula akan menjadi pesaing kepada kita dalam masa dua, tiga tahun yang akan datang ini. Yang demikian, perlu ada usaha untuk mencari tanaman komersial yang lain yang dapat mempelbagaikan eksport pertanian kita.

Oleh kerana industri tekstil umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, terus berkembang maju dan meluas, mungkin Malaysia boleh menjadi pengeksport utama bahan-bahan tekstil pada masa-masa yang akan datang. Eloklah kalau kita mulai daripada saat ini. Kita tidak perlu bertumpu kepada tanaman-tanaman tekstil biasa seperti kapas dan sutera kerana ada tanaman fiber yang lain yang pulangnya lebih tinggi dan mungkin sesuai dengan tanah dan iklim negara kita Malaysia ini.

Umpamanya di Filipina, Tuan Yang di-Pertua, mereka sedang berusaha secara bersungguh-sungguh untuk memperluaskan satu jenis tanaman yang di segi istilah biologinya disebut sebagai Bohemia Nivea secara besar-besaran. Begitu juga di Sri Lanka, mereka sudah pun bermula. Negeri China Komunis merupakan pengeksport utama bahan ini. Harga pasaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa fibre yang dihasilkan itu?

Tuan Omar bin Abdullah: Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa fibre yang dihasilkan daripada tanaman yang disebut itu?

Tuan Omar bin Abdullah: Tanaman yang disebut, dari segi namanya Bohemia Nivea'.

Timbalan Yang di-Pertua: Fibre yang dihasilkan, tentu sekali bukan Terrylin?

Tuan Omar bin Abdullah: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kata tentu sekali bukan Terrylin.

Tuan Omar bin Abdullah: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi apa fibre itu sama ada cotton atau linen.

Tuan Omar bin Abdullah: Fibre ini dikenali sebagai "rami" nama biasanya dan harga pasaran keluaran ini ialah lebih kurang \$6,000 satu metrik tan. Tanaman ini pula boleh dijadikan tanaman selingan, yang kita boleh tanam di ladang-ladang kelapa, di kebun-kebun kecil getah dan juga di ladang-ladang koko dan sebagainya. Sudah tentu kalau kita dapat menjayakan program ini, kita dapat menambah pendapatan petani-petani kita di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan Dasar Pertanian Negara, di samping bertumpu kepada struktur dan sistem pertanian sekarang, saya rasa sangatlah perlu Kementerian Pertanian menumpukan perhatian dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini bagi usaha-usaha mewujudkan golongan petani moden yang baru. Usaha-usaha menarik minat golongan belia melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti yang disebut dalam Dasar Pertanian Negara bukan sahaja akan menyediakan teras baru tenaga petani moden negara, tetapi juga sekaligus menyelesaikan

masalah pengangguran, penghijrahan ke bandar — maaf, Tuan Yang di-Pertua, bukan menyelesaikan, mengurangkan masalah penagihan dadah di samping pelaksanaan berkesan menyusun semula struktur ekonomi desa atau struktur ekonomi kampung.

Saya yakin golongan belia akan melibatkan diri dalam bidang pertanian jika Kementerian Pertanian dapat menyakinkan mereka bahawa mereka bukan sahaja boleh bergantung hidup kepada usaha-usaha pertanian, tetapi juga boleh menjadi bidang pertanian sebagai karier yang menguntungkan. Dan kempen ke arah ini perlulah dipergiatkan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Usaha memulihkan keyakinan ini sudah tentu pula memerlukan perubahan struktur yang besar khususnya dalam soal pemilikannya dan penggunaan tanah di samping input pertanian yang lain.

Dalam membentangkan Usul Rancangan Malaysia Kelima Jumaat lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Langkah-langkah akan diambil bagi membolehkan lebih banyak kelonggaran dalam penggunaan tanah pertanian dengan tujuan menggalakkan lagi banyak pelaburan sektor swasta. . . ." Memandangkan sistem pemilikan tanah pertanian yang tidak ekonomik sekarang, saya yakin usaha memperbaiki sistem pemilikan tanah telah pun mula dilakukan sejak pelancaran Dasar Pertanian Negara tahun lalu dan ini akan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini dan usaha ini memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri kerana kuasa tanah ini di bawah Kerajaan Negeri, tetapi malangnya sehingga hari ini Jawatankuasa Tanah Daerah dan Jawatankuasa Tanah Negeri masih lagi meluluskan permohonan-permohonan tanah secara dahulu juga. Permohonan

tanah pertanian perlulah ditinjau dari kacamata Dasar Pertanian Negara, Tuan Yang di-Pertua. Usaha-usaha mestilah dibuat untuk menyenangkan kelulusan permohonan tanah pertanian secara komersial dan usaha-usaha juga perlulah dibuat untuk menggalakkan belia-belia lulusan pertanian yang mendapat didikan dalam bidang pertanian daripada universiti-universiti yang kita ada di negara ini dan di luar negeri untuk melibatkan diri dalam pertanian moden ini. Dan Kerajaan Negeri mestilah sanggup berani membantu petani-petani muda profesional ini kalau kita sebenar-benarnya ingin menjayakan Dasar Pertanian Negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan dalam pertanian kelompok bagi menjayakan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung menerusi pengurusan mahir sangatlah dialu-alukan. Usaha ini sudah tentu akan memperbaiki penghasilan tanah. Walau bagaimanapun, oleh kerana sistem pemilikan tanah tidak berubah, usaha meningkatkan pendapatan petani secara individu tidak akan menunjukkan kadar peningkatan yang tinggi. Yang demikian Kerajaan perlulah memberi keutamaan kepada pembukaan tanah baru pertanian dalam konteks mewujudkan petani profesional seperti yang saya sebutkan tadi. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila beliau menyatakan bahawa sektor swasta akan digalakkan menyertai skim-skim rancangan pembangunan tanah sebagai rakan usaha sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempergiatkan sektor pertanian, Kerajaan bertumpu kepada beberapa jenis tanaman yang terpilih. Usaha Kerajaan untuk menjadikan koko sebagai tanaman komersial yang ketiga pentingnya sangatlah dialu-alukan. Lebih-lebih lagi koko sangat sesuai sebagai tanaman selingan bagi

ladang-ladang kelapa. Sebenarnya dari segi pulangan sekarang ini, kokolah yang menjadi tanaman utama dan kelapa menjadi tanaman selingan. Seterusnya saya juga berharap Kementerian Pertanian akan juga berusaha untuk mendapatkan tanaman selingan yang berpulangan tinggi untuk pekebun-pekebun kecil getah memandangkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah kita sangat terjejas oleh kemelesetan ekonomi. Pihak MARDI dan Bahagian Perkembangan Kementerian Pertanian perlulah bekerja kuat untuk menjalankan kajian dan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri eksport, sektor swasta yang terlibat dalam industri pembuatan selalunya menimbulkan tentang kawalan ketat Kerajaan melalui ICA, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pindaan Akta ini akan dibuat dengan memberi kelonggaran seharusnya disambut baik dan mempergiatkan lagi sektor pembuatan. Masalah utama ialah sama ada sektor swasta akan berminat menambahkan pelaburan dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini. Sementara itu, seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya sektor swasta bertindak lebih agresif dalam pasaran luar negeri merupakan seruan yang murni dan menjadi cabaran kepada sektor swasta. Namun begitu, peranan Kerajaan yang lebih aktif akan lebih menyegerakan pencapaian kita.

Seperti kita semua sedia maklum, negara-negara industri yang besar seperti Jepun dan lain-lain dapat menguasai pasaran antarabangsa kerana bantuan terus Kerajaan kepada pihak swasta. Peranan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Sogososha" Jepun, syarikat Multi-national mereka, tersangat penting dalam perkara ini. Kalau seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini

ingin berkesan peranan dan tindakan dinamik Syarikat-syarikat Multi-national Malaysia yang telah ditubuhkan seperti MOIC, MITCO dan sebagainya adalah amat penting. Setakat ini rakyat kurang memahami tentang peranan dan pencapaian mereka sehingga hari ini.

Di samping menumpukan kepada pasaran eksport, Kerajaan juga diharap akan terus memberi bantuan kepada industri yang disebut sebagai "import substitute", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, khasnya kepada pengusaha-pengusaha kecil. Bagi barangan-barangan kegunaan rumahtangga dan barang-barang yang tidak memerlukan teknologi tinggi mungkin sudah sampai masanya bagi Kerajaan memperketatkan lagi langkah-langkah pengimportan butiran-butiran tersebut. Negara sudah tentu kehilangan tukaran wang asing yang banyak untuk mengimport berbagai barangan teknologi rendah daripada luar negeri, sedangkan ianya boleh dibuat di sini. Contoh yang saya boleh berikan, ialah dari ini Kerajaan membenarkan pengimportan "chicken frankfurter", dengan izin, daripada Denmark, sedangkan kita semua tahu industri penternakan ayam di negara kita ini sedang menghadapi masalah pasaran dan benda ini boleh dibuat dengan senang di negara kita. Banyak lagi contoh-contoh yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, azam Kerajaan untuk mempergiatkan lagi usaha pencapaian Dasar Ekonomi Baru tidak perlu dipertikaian oleh sesiapa pun. Seperti yang ditegaskan oleh Kerajaan, teras utama Rancangan Malaysia Kelima adalah pertumbuhan sederhana yang disertai kestabilan. Asas utama kestabilan negara kita ialah perpaduan yang bergantung kepada usaha membasmi kemiskinan dan usaha-usaha kita untuk menyusun semula masyarakat di samping faktor-faktor yang lain. Yang

demikian adalah janggal bagi sesiapa pun di Malaysia ini menimbulkan atau membangkitkan tentang perkara ini dan adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia berusaha memupuk perpaduan dan memperkuat integrasi nasional demi cita-cita dan usaha kita memperbaiki lagi kehidupan kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pekan.

6.10 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin turut serta dalam perbincangan menyokong Usul Rancangan Malaysia Kelima yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad pada hari Jumaat, 21hb Mac, 1986 yang baru lalu.

Usul Rancangan Malaysia Kelima yang dibawa ke Dewan yang mulia ini di saat-saat negara memerlukan suatu arah yang positif untuk memastikan bahawa Dasar Ekonomi Baru tercapai seperti mana yang dimimpikan oleh pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu daripada kita.

Adalah menjadi kenyataan bahawa ke arah mana sekalipun dituju, ke Timur, ke Barat, ke Selatan atau ke Utara dari segi mencari kemajuan bangsa dan negara sebagai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tidak tercapai, maka selagi itulah matlamat dan dasar Kerajaan Barisan Nasional tidak tercapai.

Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat dan cita-cita kita bahawa segala projek-projek yang dirancang dan yang dilaksanakan hendaklah mengambil kira ciri-ciri

pengurangan kadar kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan peningkatan mutu hidup rakyat, sama ada di luar bandar ataupun di dalam bandar. Lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan pendalaman dan di tepi-tepi pantai di mana ramai kaum nelayan yang miskin berada.

Rancangan Malaysia Kelima merupakan rancangan yang terakhir bagi rancangan jangka panjang 20 tahun yang akan berakhir pada tahun 1990. Apa yang akan berlaku selepas itu? Seperti apa yang telah dirancang dan diimplementasikan sehingga kini tidak tercapai apa yang dimaksudkan, maka wajiblah bagi Kerajaan kita meneruskan rancangan ini untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keenam dan di samping membuat perancangan 20 tahun yang baru bermula pada tahun 1991.

Dalam kita melaksanakan Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kelima ini, usaha-usaha ke arah membandarisekan, dengan izin, bandar-bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa, Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Dengan izin, membandarisekan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak boleh dibenarkan begitu, itu sudah keterlaluan, memperbandarkan bolehlah.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Apa yang saya maksudkan ialah satu perkataan yang dipopularkan dahulu oleh pemimpin kita Allahyarham Tuan Haji Abdul Razak. Maka wujudlah bandar-bandar baru dan termoden.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tak boleh, tak adil menggunakan nama Allahyarham Tun

Abdul Razak untuk mengesahkan; apa yang saya miripkan adalah tidak mahu mengesahkan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengatakan sahaja, terserah kepada Dewan untuk menerima atau menolak. Saya gunakanlah perkataan "membandarkan" kawasan-kawasan di luar bandar [*Tepuk*]. Dalam kawasan bandar-bandar yang termoden dalam kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah seperti DARA, KETENGAH, KEJORA, KEDA, PERDA dan lain-lain lagi.

Dalam kawasan DARA umpamanya, bandar-bandar baru yang dirancang oleh perunding-perunding antarabangsa dari Kanada ialah sebanyak 36 semuanya tetapi setelah dikaji semula oleh pihak DARA, maka angka itu telah tinggal 17 sahaja dan 17 inilah yang akan diteruskan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini termasuklah bandar-bandar yang telah dibina tetapi tiada penduduk yang mana dihebohkan baru-baru ini sebagai "ghost town", dengan izin.

Masalah yang timbul sekarang ialah mengenai dengan kedudukan bandar-bandar tradisional yang ada sekarang yang dahulunya sama ada di dalam kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah ataupun berhampiran dengannya.

Sebagai contoh bandar Rompin dan bandar Diraja Pekan. Kedua-dua bandar ini sudah begitu lama wujudnya, mempunyai strukturnya yang cukup, ada Pegawai Daerahnya, ada OCPDnya, ada doktornya, ada Mahkamah Magistretnya, tetapi yang malangnya pembangunan tidak begitu pesat seperti bandar-bandar baru. Semua projek-projek baru yang dirancang dan dilaksanakan dalam kawasan bandar-baru baru, misalnya, di Muazzam Shah, Kota Bahagia, Perwira Jaya, Bandar Tun Razak dan Perkoti Timur.

Apakah Kerajaan kita tidak perlu mengadakan satu Pelan Induk Perbandaran umpamanya seperti Pelan Induk Perindustrian yang baru-baru ini diluluskan oleh Kabinet iaitu satu dasar khusus atau master plan, dengan izin, untuk bandar-bandar di seluruh Semenanjung Malaysia dan juga termasuk di Sabah dan Sarawak.

Dengan adanya Pelan Induk Perbandaran ini, dapat kita mengetahui dan classify, dengan izin, misalnya bandar utama kita ialah Kuala Lumpur, yang kedua besarnya ialah Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bharu, Seremban dan Kuantan dan seterusnya yang ketiga, keempat dan lain-lain lagi.

Oleh kerana tiada perancangan khusus terdapatlah kepincangan berlaku di bandar-bandar ini seperti kemudahan kesihatan yang sempurna iaitu hospital di bandar Rompin umpamanya, hospital tiada, yang ada cuma Pusat Kesihatan sahaja. Saya ingin tahu dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bilakah hospital Daerah Rompin hendak didirikan di Kuala Rompin, sebab perkara ini telah lama sangat disuarakan oleh pengundi-pengundi dan penduduk-penduduk setempat?

Anggapan kita dan hasrat kita di zaman mewah dahulu ialah kalau di hospital diminta bangunannya hendaklah besar dan diperbuat daripada batu. Soal perkhidmatan tidak dipertikaikan. Menunggu lama sedikit tak mengapa, asalkan dapat bangunan hospital yang tersergam indah di pandang mata. Apa yang berlaku pada hari ini ialah apabila terdapatnya kemalangan jalan raya yang menyebabkan kematian atau ada kematian yang meragukan pihak Polis, maka mayat-mayat itu akan dibawa ke hospital daerah lain iaitu Hospital Daerah Pekan yang jauhnya, berkereta memakan masa hampir dua jam baru sampai. Ini disebabkan di

Pusat Kesihatan Kuala Rompin tidak mempunyai kemudahan "post mortem", dengan izin.

Cadangan saya adalah untuk mendesak Kementerian Kesihatan agar Pusat Kesihatan yang ada itu dinaikkan tarafnya ke taraf Hospital Daerah dengan mempunyai 50 katil untuk pesakit-pesakit yang datang dengan kemudahan post-mortem. Buat sementara waktu bolehlah digunakan bangunan-bangunan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli dari Kota Melaka minta jalan. Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya tertarik hati dengan hujah-hujah Ahli Yang Berhormat dari Pekan. Saya hendak bertanya sahaja ialah dengan hujah-hujah yang di mana bandar-bandar atau pekan-pekan tradisional diabai-abaikan semacam Rompin dan Pekan, adakah mungkin bahawa ini dilakukan oleh kerana ia antara objektif atau tujuan Kerajaan untuk meruralisekan tempat-tempat semacam itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Perkataan itu pun tak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh digantikan dengan apa-apa perkataan lain, kalau tujuan itu ialah meruralisekan.

Timbalan Yang di-Pertua: Meluarbandarkan apa yang telah pun bandar.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Boleh saya menjawab kemusykilan daripada Ketua Pembangkang DAP. Apa yang sebenarnya berlaku ialah kemajuan di bandar-bandar tradisional itu kurang

pesat seperti mana bandar-bandar baru yang dibuka, tidak ada langsung tujuan politik hendak memenangkan Parti Pembangkang. Cadangan saya adalah mendesak Kerajaan/ Kementerian agar pusat kesihatan yang ada itu dinaikkan tarafnya ke taraf Hospital Daerah dengan mempunyai 50 katil untuk pesakit-pesakit yang datang dengan kemudahan post-mortem. Buat sementara waktu bolehlah digunakan bangunan-bangunan kayu buatan pasang siap yang functional, dengan izin, untuk menempatkan pesakit-pesakit.

Menyentuh soal perkhidmatan kesihatan luar bandar, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang ketidaksempurnaan khidmat ini, di mana di kawasan pedalaman dan luar bandar ada di setengah-setengah kampung tradisional yang terletak berhampiran dengan lebuh raya pun ditinggalkan, tidak hairanlah kalau kampung-kampung ini jauh di pedalaman. Sebagai contoh sebuah kampung berhampiran bernama Kampung Alai, ada lebih kurang 14 keluarga miskin, ramai penduduk-penduduknya lebih kurang 70 orang bekerja di kilang-kilang, di estet kelapa sawit berhampiran, terletak kampung ini lebih kurang 2 kilometer dari Jalan Lebuh raya Tun Razak, dengan lain-lain perkataan, Lebuh raya Kuantan Segamat. Kemudahan, dengan izin, mobile clinic kesihatan ada melawat kampung ini sehingga tahun 1983, dua kali sebulan, akan tetapi dalam tahun 1984 hingga 1986 ini perkhidmatan ini terhenti. Apakah sebabnya kita tidak tahu, penjelasan dari Kementerian berkenaan perlu supaya keadaan ini tidak berterusan. Keadaan ini juga berlaku di kampung-kampung tradisional yang lain seperti Kampung Regoh, Kampung Merepoh dan lain-lain lagi, biarlah perkhidmatan clinic mobile, dengan izin, ini menyeluruh demi menjaga kesihatan penduduk-penduduk.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak timbulkan di sini mengenai dengan integrasi nasional, iaitu mengadakan satu perhubungan di antara rakyat di Semenanjung dengan warganegara kita atau jiran tetangga kita di Sabah dan Sarawak. Apa yang diura-urakan baru lalu atau diputuskan oleh Kabinet dan sedang dirancangan ialah projek Feri Malaysia. Projek ini saya difahamkan akan berjalan, kapalnya pun telah dibeli hanya untuk diubahsuai supaya boleh memuat lebih kurang 600 penumpang, dan memuatkan lebih kurang 150 unit treler yang panjang-panjang boleh memuatkan barang-barang akan berulang-alik dari Pelabuhan Kuantan ke Sabah dan Sarawak, mulai sekiranya tidak ada aral melintang 31hb Ogos 1986 ini.

Apa yang saya hendak tekankan di sini bahawa dalam kita heboh-heboh dan berkempen untuk menyatupadukan rakyat di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, oleh kerana jurang perbezaan di antara rakyat di Semenanjung dengan Sabah, maka tercetuslah apa yang dikatakan keadaan yang berada di Sabah ini oleh kerana kemungkinan besar bahawa kita dengan rakyat di sana tidak begitu rapat dan ada curiga-mencurigai di antara satu sama lain. Yang sebenarnya tidak ada, oleh kerana rakyat Sabah adalah rakyat Malaysia dan Perdana Menteri adalah Perdana Menteri Malaysia. Tidak ada dianaktirikan, mana-mana negeri di dalam Malaysia ini. Kita percaya dan faham bahawa krisis yang berlaku pada hari ini akan selesai, dengan adanya sefahaman dan semangat untuk memperbaiki keadaan di antara parti-parti PBS, USNO, BERJAYA dan berbagai-bagai. Janganlah usaha-usaha yang dijalankan pada hari ini buntu, oleh kerana tiap-tiap komponen parti daripada PBS, BERJAYA dan USNO mementingkan soal siapa dapat kerusi banyak. Kalau inilah caranya sampai

hari kiamat kita tidak akan dapat satu pertemuan untuk menyelesaikan masalah yang rumit di mana soal perpaduan ini adalah penting.

Berbalik kepada soal feri tadi, saya mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan agar Konsep Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur, Karak, Lebuhraya daripada Selatan Bukit Kayu Hitam sehingga Johor Bahru ini, konsepnya diluaskan lagi membawa kepada konsep dalam air di mana perjalanan di antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak ini dijadikan ala Lebuhraya di mana kita memberi subsidi atau perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan berjuta-juta ringgit untuk membiayai projek feri ini supaya memberi kemudahan kepada rakyat yang marhin, yang miskin boleh berulang-alik untuk mempercepatkan lagi integrasi nasional di antara kedua-dua tanah besar Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membawa sedikit pandangan mengenai dengan Kementerian Penerangan. Tujuan Kementerian ini ialah untuk hendak menerangkan seluruh Malaysia ini kepada kita, tetapi ada setengah-setengah kawasan kadang-kadang gelap, kadang-kadang terang, now I see, now I don't, dengan izin, di mana kadang-kadang saya datang daripada kawasan luar bandar; biasanya kita ini di luar bandar jarang-jarang diperhatikan oleh orang-orang di Kuala Lumpur, maklum sahajalah jauh daripada segala-galanya. Kita kerap kali menyuarakan kepada Jabatan Penerangan Daerah supaya sekiranya ada pemimpin-pemimpin negara yang datang ke kawasan kami yang daif ini diberi sedikit perhatian oleh Kementerian dengan memasukkan berita-berita sedikit-sebanyak mengenai dengan kedatangan Menteri-menteri ini, supaya di

khalayak ramai kepada pengundi-pengundi bahawa ada pemimpin-pemimpin kami menjenguk dan ditunjukkan kepada seluruh negara, gambar Yang Berhormat Ahli Parlimen Pekan ini tidak perlu ditunjuk dalam gambar ini, memadai dengan Menteri-menteri sahaja. Perkara ini saya timbulkan bukanlah kerana Menteri Penerangan ada di hadapan pada petang ini. Ini hasrat saya sudah lama.

Baru-baru ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah datang untuk berkunjung ke Daerah Rompin. Program ini telah dirancang sebulan terlebih dahulu, harapan saya bahawa sekurang-kurangnya daripada Jabatan Perdana Menteri ada memberitahu RTM supaya datang membuat liputan agar sekiranya Menteri-menteri ini datang ke kawasan-kawasan kami sekali-sekala dapatlah ilham ataupun disebarkan keseluruh negara bahawa pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar adalah lebih daripada kawasan-kawasan di bandar, serupa sahaja kalau di Kuala Lumpur ini kita ada, dengan izin, golden pavement, di kawasan saya ada golden dust ataupun debu-debu kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah yang saya dapat perkatikan pada petang ini dan sedikit sahaja lagi untuk bercakap iaitu mengenai dengan soal Orang Asli. Saya masih lagi tidak puas hati dengan apa yang saya perkatikan semasa dalam perbahasan mengenai dengan Ucapan Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, oleh kerana terdapat di kawasan saya lebih kurang 10,000 kaum Orang Asli. Kalau dahulunya saya ada menceritakan mengenai dengan perkara "susyah" dengan masuk rancangan, kali ini saya mengatakan Yang Berhormat "susyah" banyak dibuka tetapi

“susyah” hendak masuk ke dalam rancangan-rancangan FELDA ini. Apa yang dimaksudkan ini tidaklah tepat bagi kita memberi jawapan kepada Dewan ini bahawa ramai di antara orang Asli meminta, tetapi susah hendak menjaga mereka, mereka ini lari.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung ucapan esok.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan akan bersidang semula pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.